

**NILAI-NILAI MORAL DALAM LIRIK PERSEMBAHAN
DIKIR BARAT**

OLEH CIKGU NAIM

MUAHAMAD AMIR FARID BIN HAMDAN

C18A0132

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

2022



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**NILAI-NILAI MORAL DALAM LIRIK PERSEMBAHAN
DIKIR BARAT
OLEH CIKGU NAIM**

Oleh

MUAHAMAD AMIR FARID BIN HAMDAN

C18A0132


**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
KEHENDAK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN
WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022


PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung di dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institut.




AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia Salinan keras atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)



SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972



TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi dimana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Kelantan berhad seperti berikut.

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan oleh:

Amir

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

TARIKH: 26/2/2022

NAMA: SHAIPUDDIN B. MUHAMMAD
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok
Beg Bertunci No. 1,
16300 Bachok, Kelantan.

TARIKH:

26/2/2022

Penghargaan

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Dan Lagi Maha Penyayang, Alhamduillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izinnya dapat saya menyiapkan Projek Penyelidikan dua bermula dari bab satu hingga bab lima ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Encik Shaipuddin Bin Muhammad yang banyak memebrikan tunjuk ajar , nasihat, bimbingan, pandangan dan bantuan yang diperlukan sepanjang proses menyiapkan penyelidikan ini yang bertajuk 'nilai-nilai moral dalam lirik persembahan dikir barat oleh Cikgu Naim'. Sudah tentu amat sukar untuk saya menyiapkan Projek Penyelidikan Du aini dengan sempurna tanpa mendapatkan nasihat ,sumbangan idea dan nasihat daripada beliau

Ucapan penghargaan dan dedikasi yang tidak terhingga juga ditujukan kepada keluarga tercinta terutama ayah dan ibu saya yang tersayang En. Hamdan Bin Ahmad dan Puan Railah Binti Talib yang telah banyak membantu dan memberi sokongan dari pelbagai aspek. Sesungguhnya sumber semangat dan kekuatan daripada kehidupan mereka telah membantu saya dalam menyiapkan Projek Penyelidikan Dua ini.

Tidak ketinggalan juga kepada rakan-rakan seperjuangan dibawah penyeliaan Encik Shaipuddin Bin Muhammad yang mengharungi saat pahit manis kita bersama-sama. Akhir sekali, saya amat berharap agar setiap lapisan masyarakat sentiasa sedar akan kepentingan memelihara seni warisan bangsa agar terus terpelihara tidak di telani zaman dengan kewujudan perkara-perkara barat. Akhir sekali, kita perlulah berniat apabila membuat sesuatu perkara ini hanyalah kepada Allah S.W.T.

Sekian.

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1-3
	1.1.1 Latar belakang kajian	3-4
1.2	Pemasalahan kajian	5
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Skop Kajian	7
1.6	Kepentingan kajian	8
	1.6.1 Individu	8
	1.6.2 Masyarakat	9
	1.6.3 Negara	9
1.7	Kesimpulan	9-10

BAB 2: KAJIAN LITERATURE

2.1	Pengenalan	11
2.2	Warisan budaya	11
	2.2.1 Warisan Ketara	12
	2.2.2 Warisan tidak ketara	12
2.3	Sejarah Negeri Kelantan	13-15
2.4	Asal Usul Dikir Barat	16-17
	2.4.1 Dikir Barat	17-18
2.5	Sejarah Dikir Barat	18-19
	2.5.1 Ahli Dikir Barat	19-20-
	2.5.2 Kod Etika Pemakaian	20
	2.5.3 Alat Muzik yang digunakan	20-21
	2.5.4 Fungsi Dikir Barat	21-22
2.6	Nilai Moral	22-23
2.7	Aplikasi Teori	23-24

2.8	Kesimpulan	24-25
-----	------------	-------

BAB 3:METODOLOGI

3.1	Pengenalan	26
3.2	Kaedah Penyelidikan Kualitatif	26-27
3.2.1	Data Sekunder	27
3.2.2	Analisi Dokumen	28
3.3	Kesimpulan	29

BAB 4:DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	30
4.1	Analisis data	30-31
4.1.1	Kaedah temuduga	31
4.1.2	Kaedah perpustakaan	31-32
4.2	Jeni-jenis lagu	32
4.2.1	Lagu yang mempunyai nilai moral	32-33
4.2.2	lagu yang mempunyai metafora	33-34
4.3	Nilai moral yang terdapat dalam lirik lagi Cikgu Naim	35
4.3.1	Nilai berani	
4.3.1.1	Mempertahankan maruah diri sendiri	35-36
4.3.2	Tanggungjawab	35
4.3.3	Berhati-hati	36
4.3.4	Nilai Kasih Sayang	36-37
4.4.4.1	Keikhlasan	37
4.3.5	Bersyukur	37
4.3.6	Patriotisme	37-38
4.3.7	Menghormati	38
4.4	Huraian didalam setiap lagu dikir barat	

4.4.1 Berani	38-39
4.4.2 Tanggungjawab	39-43
4.4.3 Kasih Sayang	43-44
4.5.4 Bersyukur	44-45
4.5.5 Menghormati antara satu sama lain	45-46
4.5.6 Patriotisme	46-47
4.5 Kaedah yang digunakan dalam menghadapi cabaran Pandemic covid 19	47-49
5.0 BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	50-51
5.2 Cadangan	51
5.1.1 Individu	51-52
5.1.2 Sosial	52-53
5.1.3 Negara	53-54
5.3 Harapan	54-55
RUJUKAN	56-57
LAMPIRAN	58-72

Abstrak

Kajian ini memfokuskan kepada lagu dikir barat cikgu naim yang mempunyai nilai-nilai moral didalam persembahannya dengan tiga objektif iaitu menghuraikan lirik dikir barat yang mempunyai nilai positif kepada masyarakat, mengkaji kaedah yang digunakan oleh pendikir barat bagi mengadakan persembahan dikir barat semasa pandemik covid 19 dan menganalisis nilai moral yang terdapat dalam lirik lagu dikir barat. Untuk mendapatkan maklumat tersebut, penyelidik memilih kota jembal, kedai lalat ,16150 kota baru Kelantan sebagai skop kajian dengan melakukan temu bual dan penyelidikan penyertaan sebagai metodologi kajian. Dari perspektif sejarah,Dikir barat pada masa kini masih lagi sama-samar daripada mana asalnya permainan ini.Banyak pendapat yang diperkatakan mengenai dikir barat.Kebanyakan pendapat mengatakan bahawa yang dikir barat ini asalnya daripada Selatan Siam Pada zaman dahulu, Dikir barat merupakan sebuah permainan tradisional yang diminati dimainkan oleh Masyarakat dinegeri Kelantan,Dikir ini kebiasaannya wujud di dalam kampung-kampung serta pinggir bandar.Dikir barat ini merupakan satu persembahan tradisional dinegeri Kelantan dan ianya dijadikan sebagai satu hiburan rutin oleh masyarakat setempat yang dimainkan pada waktu-waktu lapang bukan sahaja dimainkan Ketika adanya keramaian.Dikir kemudian diperkenalkan ke istana Raja Rama. Dengan semua pernyataan ini menunjukkan bahawa perkataan dikir pada asalnya berasal dari perkataan Zikir dari perkataan Arab dan juga mempunyai hubungan dengan unsur-unsur Islam.

Abstract

This study focuses on cikgu naim's dikir barat song which has moral values in its performance with three objectives, namely to describe the dikir barat lyrics that have positive value to society, to study the methods used by western thinkers to perform dikir barat during the covid 19 pandemic and to analyze moral values found in the lyrics of western dikir songs. To obtain the information, the researchers chose kota jembal, kedai lalat, 16150 kota baru Kelantan as the scope of the study by conducting interviews and participatory research as the research methodology. From a historical perspective, Dikir barat today is still unclear where the origin of this game is. Many opinions are said about dikir barat. Most opinions say that dikir barat is originally from Southern Siam. In ancient times, Dikir barat was a traditional game. which is popularly played by the community in the state of Kelantan, this Dikir usually exists in villages and suburbs. This western dikir is a traditional performance in the state of Kelantan and it is used as a routine entertainment by the local community that is played in leisure time not only played When there was a crowd. Dikir was then introduced to the palace of King Rama. With all these statements it is shown that the word dikir was originally derived from the word Zikir from the Arabic word and also has a connection with the elements of Islam.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Malaysia adalah masyarakat berbilang kaum dan agama. Setiap kaum di Malaysia mempunyai warisan budaya yang unik. Tarian, muzik, bahasa, dan dialek digunakan oleh pelbagai etnik kumpulan. Warisan budaya dan bangsa Malaysia yang pelbagai ditunjukkan dalam kepelbagaian tariannya, seperti tarian orang Melayu asli, Orang Asli, dan pelbagai etnik Sabah dan yang mempunyai nilai. Ketika orang Cina, India, dan Portugis mula menetap

di Malaysia, tarian tradisional dari tanah air mereka telah menjadi sebahagian daripada rakyat Malaysia budaya dan warisan. Tarian yang terdapat di Malaysia sangat dipengaruhi oleh tarian lain negara dalam tempoh sebelum kemerdekaan. Tarian ini berfungsi sebagai simbol perpaduan dan keharmonian. Terdapat pelbagai pendapat mengenai definisi tarian. Menurut Dewan Kamus, tarian telah didefinisikan sebagai bahasa badan dan lengan dan kaki berirama. Semasa Sejarahwan tarian dan muzik Jerman bernama Curt Sachs dalam *World History of The Dance*(1933) telah menjelaskan definisi seni tarian sebagai pergerakan berirama. Seni tarian ini adalah bentuk ujaran yang lahir dari jiwa manusia melalui pergerakan tarian yang indah.

Warisan merujuk kepada harta peninggalan, harta pusaka yang ditinggalkan oleh seseorang kepada orang lain. Contohnya harta kekayaan ayah yang diterima oleh anak cucu. Ia juga boleh ditafsirkan sebagai sesuatu ilmu atau perkara yang bakal diwarisi secara turun temurun (Kamus Dewan, 2020). Budaya pula bermaksud tamadun atau peradaban. Kemajuan cara berfikir, mempunyai akal budi dalam melakukan sesuatu

perkara. Konsep budaya perlu difahami supaya manusia berfikir secara ilmiah untuk kemajuan sesuatu bangsa. (Kamus Dewan, 2020)

Kelantan yang dikenali sebagai Tanah Serendah Sekebun Bunga, Tanjung Pura, Negeri Cik Siti Wan Kembang dan Serambi Mekah pada masa dahulu adalah berasal daripada perkataan “kilatan” atau “kelam hutan” atau “gelam hutan” (Melaleuca Leucadendron). Negeri ini merupakan salah sebuah negeri yang tertua di Semenanjung Malaysia dan dipercayai telah diduduki sejak zaman prasejarah lagi dengan penemuan barang purba seperti kapak batu dan bahan-bahan tembikar di Gua Cha, di tebing barat Sungai Nenggiri. Kelantan pada awalnya diperintah oleh raja perempuan pertama bergelar “Seri Maharaja Puteri” iaitu Cik Siti Wan Kembang, diikuti oleh Puteri Saadung (anak angkat Cik Siti Wan Kembang) dan raja-raja seterusnya

Kelantan merupakan sebuah negeri yang terletak di semenanjung Malaysia yang berukuran lebih kurang 15,040 KM. Negeri ini berhampiran dengan lautan China Selatan dan sempadan dengan negeri Thailand. Sektor perkhidmatan dinegeri Kelantan ini telah sumbangan yang tinggi kepada ekonomi negeri Kelantan. Negeri Kelantan ini terdiri daripada 11 daerah ataupun dipanggil sebagai jajahan. Jajahan yang terdapat dinegeri Kelantan ini adalah Bachok, Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah, Tumpat, Gua Musang, Kuala Krai, Jeli, Kecil Lojing dan Kota Bharu. Kota Bharu merupakan ibu negeri kepada semua jajahan di Negeri Kelantan.

Negeri Kelantan ini bersempadanan dengan Negara Thailand. Perkara ini telah menyebabkan kehidupan masyarakat Negeri Kelantan ini bercampur dari segi sosial mereka, kebudayaan mereka dan cara kehidupan mereka dinegeri tersebut. Dinegeri Kelantan ini juga sangat kaya dengan khazanah warisan bangsa. Dinegeri ini masih lagi

terdapat permainan tradisional yang menghiburkan rakyat mereka sebagai contohnya dikir barat, wayang kulit, gasing, wau bulan, kertok, dan rebana ubi serta ukiran kayu, batik, songket yang terus gah di negeri ini untuk menarik minat orang luar datang melancong ke negeri Kelantan. Negeri Kelantan sangat dikenali dengan permainan tradisional yang masih dimainkan di negeri mereka walaupun negara Malaysia sudah canggih dengan kewujudan pelbagai teknologi walaupun bagaimanapun mereka tidak pernah melupakan budaya mereka di negeri mereka.

1.1.1 Latar Belakang kajian

Kelantan terkenal dengan pelbagai jenis makanan serta hiburan Tradisional. Antaranya ialah kuih tahi itik, keropok lekor, budu, nasi dagang, nasi kerabu, buah tanjung, lompat tikam, solok lada, ayam dan ikan percik, kerabu sagheh, jala mas dan lain-lain. Budu dihasilkan daripada ikan yang diperam dalam tempayan manakala kuih buah tanjung dan kuih tahi itik dihasilkan daripada kuning dan putih telur. Pada Ketika dahulu, di negeri Kelantan ni juga terkenal dengan wayang kulit Gedek ataupun wayang gedak. Wayang ini pada mulanya berasal daripada negeri Perlis dan Kedah. Pada Ketika ini wayang Gedek ini telah dilarang bermain di Negeri Kelantan atas faktor-faktor tertentu. Di negeri Kelantan juga sangat terkenal dengan Main Puteri iaitu merupakan salah satu alternatif untuk mengubati orang sakit iaitu dengan menggunakan alunan muzik menarik dan ianya merupakan salah satu kepercayaan animisme. Walaupun bagaimanapun kerajaan di negeri Kelantan telah mengubah Main puteri ini adalah sebagai satu hiburan. Di negeri Kelantan terdapat satu jenis hiburan tersohor yang masih dimainkan sehingga kini iaitu dikir

barat. Dikir barat ini merupakan satu hiburan masyarakat di negeri Kelantan yang telah bermula berkembang ke negeri lain sejak akhir-akhir ini. Dikir Barat ini juga telah banyak berkembang didalam institusi-institusi pengajian tinggi (IPTA) bukan sahaja di Kelantan bahkan banyak negeri yang membawa masuk dikir barat ini ke dalam IPTA dalam negeri mereka.

Dikir barat merupakan permainan tradisional yang paling digemari oleh masyarakat Melayu terutama masyarakat melayu di negeri Kelantan. Kebiasaannya dikir ini wujud didalam masyarakat biasa di dalam kampung-kampung serta pinggir bandar. Dikir barat ini dipersembahkan dalam satu kumpulan yang diketuai oleh tukang karut serta tok juara. Mereka berdua ini akan mengarut serta berbalas-balas pantun dan diikuti oleh awak-awak sebagai suara latar dengan suara yang kuat dan lantang. Dikir ini juga boleh dipersembahkan sebagai pertandingan ataupun hiburan.

Pada musim menuai ataupun di majlis perkahwinan dikir ini dimainkan pada ketika itu. Dikir ini juga boleh dijadikan sebagai pertandingan yang selalunya dianjurkan oleh persatuan-persatuan belia tempatan, badan-badan kerajaan ataupun orang-orang yang tertentu untuk mengutip wang. Dikir ini asalnya adalah daripada dua kombinasi seni iaitu dikir dan pantun ataupun dikir dan karut. Karut bermaksud adalah isitilah mengarut didalam bentuk syair ataupun pantun. Oleh itu, Dikir barat, Dikir karut, Dikir pantun serta Dikir syair adalah mempunyai maksud yang sama. Namun begitu, di Negeri Kelantan lebih terkenal dengan Dikir Barat manakala di Selatan Thai pula adalah Dikir Karut.

1.2 Permasalahan kajian

Dikir Barat boleh menjadi sebagai persembahan yang unik dengan masyarakat Kelantan kerana penggunaan dialek Kelantan menjadikannya salah satu pertunjukan yang melambangkan identiti negeri Kelantan. Dikir Barat juga dipraktikkan sehingga pelbagai persembahan dilakukan disokong genre yang dipilih oleh Pendikir Dikir Barat sendiri. En. Naim, yang pernah menjadi penyanyi Dikir Barat Kelantan Dikir dari tahun 2000 hingga 2008, telah mempersembahkan beberapa lagu Dikir Barat dengan pelbagai elemen seperti kiasan dan nilai moral. Cikgu Naim, yang kerjaya beliau asalnya sebagai guru sekolah, memilih seni Dikir Barat kerana cintanya pada seni tradisional Kelantan yang telah wujud selama beberapa tahun di Kelantan dan merupakan salah satu persembahan paling bertahan hingga kini. Namun, tidak banyak orang di Kelantan yang mengetahui penyanyi Dikir Barat Cikgu Naim ini dengan lagu-lagu yang telah dipersembahkan. Lirik lagunya bahkan tidak menggunakan kata-kata buruk untuk membataskannya

1. Adakah lagu Dikir Barat dari persembahannya menunjukkan nilai moral?
2. Berapa banyakkah lagu dikir barat yang dimainkan menunjukkan nilai moral?
3. Apakah jenis nilai moral yang dinyatakan didalam lirik lagu tersebut?

MALAYSIA
KELANTAN

1.3 Objektif Kajian

Terdapat 3 objektif kajian yang dinyatakan bagi menjawab persoalan kajian. Antara contohnya objektif kajiannya adalah :

1. Menghuraikan lirik dikir barat yang mempunyai nilai positif kepada masyarakat .
2. Menganalisis nilai moral yang terdapat dalam lirik lagu dikir barat
3. Mengkaji kaedah yang digunakan oleh pendikir barat bagi mengadakan persembahan dikir barat semasa pandemic covid 19

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian dalam kajian ini adalah seperti berikut

1. Apakah lagu yang disampaikan kepada masyarakat yang mempunyai nilai positif kepada masyarakat.
2. . Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh pendikir barat melalui lirik lagu persembahan dikir barat?
3. . Bagaimanakah kaedah relevan yang digunakan oleh pendikir barat bagi mengadakan persembahan dikir barat ini semasa pendemik covid 19

1.5 Skop Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, Skop kajian ini adalah lebih tertumpu kepada masyarakat yang tinggal didalam negeri Kelantan. Hal ini kerana dikir barat ini memang sangat terkenal dinegeri Kelantan tidak kisah daripada daerah mana-mana pun. Oleh itu, kajian ini juga dijalankan berdasarkan responden yang telah diberikan. Rujukan-rujukan ilmiah juga digunakan seperti dari segi pembacaan buku, artikel dan sebagainya iaitu di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan sebagai mencari maklumat tambahan selain daripada membuat perjumpaan dengan orang-orang yang pandai berdirir dan sebagainya

Seterusnya, kajian ini hanya tertumpu pada objektif seperti Menghuraikan lirik dikir barat yang mempunyai nilai positif kepada masyarakat. Hal ini kerana, pada masa kini ramai anak muda yang beranggapan bahawa hiburan dikir barat ini adalah hiburan semata-mata tidak memberikan manfaat kepada masyarakat terutama anak muda generasi sekarang. Lirik Lagu yang saya akan kaji ini adalah lirik lagu yang dimainkan oleh Cikgu Naim. Selain itu, Memahami mesej yang terdapat didalam lagu. Hal ini kerana, setiap persembahan dikir barat yang dilakukan mempunyai mesejnya. Mesej yang sering disampaikan mempunyai nilai-nilai positif. Mereka akan menyampaikan mesej yang manfaat kepada masyarakat setempat.

Selain itu, dalam memilih responden pula saya akan memilih responden dari pelbagai peringkat umur bagi menjawab objektif saya yang ketiga iaitu Mengkaji kaedah dan bentuk persembahan yang relevan semasa pandemik covid 19. Seperti yang kita ketahui bahawa negara kita sekarang tengah menghadapi pandemik covid ini. Perkara ini telah menyebabkan hiburan-hiburan seperti dikir barat ini tergendala untuk membuat persembahan secara bersemuka.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian dan pemilihan tajuk yang sesuai dalam kajian dijalankan ini memiliki kepentingan dan alasan yang kukuh untuk dilaksanakan. Tajuk yang telah saya pilih ini dipilih setelah saya menjalankan pencarian sumber maklumat tentang kajian nilai-nilai moral dalam lirik persembahan dikir barat oleh Cikgu Naim. Saya mendapati bahawa yang lirik lagu yang disampaikan oleh cikgu naim ini banyak mempunyai nilai moralnya tetapi masyarakat yang mendengarkan lagu yang dimainkan ini hanya sebagai hiburan semata-mata dan tidak memberikan manfaat kepada mereka semua. Oleh itu, kajian saya lakukan ini dijalankan untuk mengumpul lebih maklumat berdasarkan tajuk kajian yang dipilih oleh saya .

1.6.1 Individu

Kajian ini penting bagi setiap individu didalam negara malaysia agar mereka dapat mnegertahui mengenai dikir barat dan nilai positif yang terdapat didalam persembahan yang diadakan walaupun mereka bukan berasal daripada negeri Kelantan. Kajian ini juga akan dapat menambah ilmu pengetahuan lagi jika diketahui oleh setiap individu di Malaysia.

1.6.2 Masyarakat

Selain itu, kebanyakan masyarakat hanya mengetahui fakta luaran sahaja. Masyarakat hanya dapat melihat dan mendengar persembahan dikir barat ini dilakukan melalui media-media yang ada akan tetapi mereka tidak mengetahuinya secara mata kasar bagaimana persembahan ini dilakukan serta perkara yang didapati dalam persembahan ini. Oleh itu, kajian ini penting kepada masyarakat ianya juga adalah untuk memberi pendedahan yang lebih mendalam kepada masyarakat mengenai dikir barat yang dimainkan oleh

masyarakat Negeri Kelantan. Masyarakat juga menjadi berpengetahuan dan tidak akan buta ilmu tentang hiburan tradisional yang ada di negeri Kelantan ini.

1.6.3 Negara

Disamping itu,hiburan tradisional negeri Kelantan ini iaitu dikir barat perlulah di banggakan didalam negara Malaysia.Hal ini kerana,Hiburan ini merupakan satu hiburan yang unik dan memberi sesuatu nilai ataupun kata-kata yang positif didalam persembahan dikir barat yang dilakukan dalam khalayak orang ramai.Oleh itu,hiburan ini perlulah dijaga sebaik mungkin dan berterusan diwarisi didalam negara kita agar ianya idak ditenggelami zaman pada masa akan datang.Dikir barat ini juga mampu untuk menarik minat pelancong datang ke negeri Kelantan sebagai salah satu didalam tentantif pelancongan mereka.

1.7 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, pengkaji berharap kajian ini akan memberi manfaat kepada semua orang untuk memahami tentang pengalaman pendikir dan nilai-nilai positif dalam persembahan dikir barat yang juga merupakan salah satu daripada seni persembahan. Tambahan pula, terdapat kajian apakah nilai positif yang terdapat didalam persembahan dikir barat. Dalam kajian ini pengkaji ada menyatakan mengenai tujuan utama pengkaji membuat tajuk yang dipilih untuk melakukan kajian. Objektif terakhir iaitu pengkaji ingin mengkaji mekanisma yang relevan dalam melestarikan seni persembahan dikir barat yang dijalankan semasa covid 19 melanda negara

Pengkaji berharap supaya kajian yang dilakukan dapat membuka mata semua pihak terutamanya golongan muda bagi menjaga hiburan tradisional dinegeri Kelantan ini agar ianya tidak ditelan zaman. Hiburan ini juga merupakan salah satu warisan yang perlu dijaga secara berterusan kerana ia merupakan harta yang tidak ternilai sesuatu bangsa. Hal ini bertujuan untuk membangkitkan rasa menghargai segala warisan, keunikan yang diturunkan sejak zaman berzaman. Disamping itu juga adalah untuk memberi kesedaran bahawa setiap hiburan tradisional dinegara kita ini bukanlah dipersembahkan semata-mata bahkan mempunyai nilai nya tersendiri dalam persembahan tersebut.

BAB 2

KAJIAN LITERATURE

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu berkaitan dikir barat. Bab ini menceritakan tentang gambaran topik yang ingin dikaji oleh pengkaji. Sorotan kajian ini juga menjadi rujukan penyelidik terhadap kajian sebelumnya. Ini bertujuan untuk membuat rujukan berdasarkan dokumen yang mengandungi maklumat, data dan kaedah. Maklumat yang dari sorotan kajian ini merangkumi teori, kajian reka bentuk, prosedur kajian, kaedah pengumpulan data dan hasil penyelidikan. Sorotan ini adalah daripada kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelumnya iaitu mengenai pengalaman pendikir dan nilai positif dalam persembahan dikir barat. Oleh itu, kajian mengenai dikir barat diambil sebagai rujukan dan membantu dalam proses membuat rangka tesis sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Dalam bab ini akan menceritakan mengenai warisan budaya Malaysia, jenis-jenis warisan budaya, pengenalan ataupun sejarah negeri Kelantan iaitu merupakan tempat kajian yang ingin saya lakukan.

Selain itu, dalam bab ini juga akan membincangkan mengenai asal usul dikir barat, Sejarah dikir barat di Kelantan, dari segi pemakaiannya, bilangan ahli, alat muzik yang digunakan serta waktu dikir barat ini dipersembahkan pada khalayak ramai.

2.2 Warisan budaya di Malaysia

Warisan budaya merupakan peninggalan artifak fizikal dan ciri tidak ketara dalam sesebuah masyarakat ataupun kelompok yang diwarisi daripada generasi terdahulu lagi, ianya dikekalkan pada masa kini serta dipelihara untuk generasi masa akan datang

.Secara spesifik warisan budaya ini adalah harta peninggalan ataupun harta pusaka. Definisi bagi perkataan budaya pula adalah perkataan yang datang daripada Sanskrit buddayah yang merupakan perkataan jamak daripada perkataan buddhi yang memberi maksud budi pekerti atau akal. Walaubagaimanapun secara luas maksudnya adalah segala sesuatu yang dibawa atau dilakukan oleh manusia. Warisan-warisan ini adalah warisan yang ketara sebagai contohnya, bangunan, monumen, buku, artifak, dan hasil seni. Bagi yang warisan tidak ketara adalah seperti cerita rakyat, tradisi, bahasa serta pengetahuan.

2.2.1 Warisan ketara

Warisan ketara adalah warisan ataupun sesuatu benda yang boleh disentuh atau dilihat dengan mata kasar. Warisan ketara ini mempunyai ciri-ciri yang static atau dipanggil mudah alih. Statik ini adalah merujuk kepada tapak-tapak yang bersejarah, monumen, bangunan, dan benda yang tidak boleh digerakkan. Manakala warisan ketara mudah alih adalah merujuk kepada artifak-artifak lama yang telah dipindahkan daripada tempat adalah ke tempat lain (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia 2020)

2.2.2 Warisan tidak ketara

Warisan tidak ketara adalah ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, bahasa serta persuratan. Warisan ini merupakan warisan yang tidak dapat disentuh atau dilihat dengan mata kasar. Sebagai

contonya,kepercayaan,seni persembahan,makanan.muzik,sastera dan sebagainya.
(Kementerian Kebudayaan,Kesenian dan pelancongan Malaysai 2020)

2.3 Sejarah Negeri Kelantan

Kelantan Darul Naim merupakan salah satu negeri yang terdapat didalam Negara Malaysia yang mempunyai 14 buah negeri.Negeri Kelantan merupakan negeri yang kaya dengan sumber alam .Negeri ini mempunyai wilayahnya sekurang-kurangnya 14.992 KM yang terelak di timur laut semenanjung Malaysia iaitu berhadapan dengan Laut China Selatan serta sempadan dengan Negara Thailand>Nama 'Kelantan' pada mulanya berasal daripada perkataan 'gulam hutam' iaitu merupakan nama melayu yang diambil daripada pokok Melaleuca Leucadendron.Ada sesetengah masyarakat mengaitkan nama Kelantan ini datang daripada perkataan 'Kilatan'atau 'kolam tanah'.Pada masa dahulu nama seperti tana serendah,Sekebun Bunga,Tanjung Pura,Negeri Cik Siti Wan Kembang dan Serambi Mekah pernah juga dikaitikan dengan asal nama Kelantan.

Sejarah negeri Kelantan tidak begitu jelas,walaubagaimanapun penemuan arkeologi telah menunjukkan kesan petempatan manusia pada zaman prasejarah.Kelantan ini mempunyai hubungan dengan Kaisar Funan,Kaisat Khmer, Sriwijay dan Siam.Pada tahun 1411 lebih kurang,Raja Kumuar,Raja Kelantan telah membebaskan negeri itu daripada Siam.Pada Ketika itu beliau telah digelar sebagai Sultan Iskandar Shah selepas memeluk agama islam.Pada hujung abad ke-15 Negeri Kelantan menjadi sebuah pusat perdagangan yang penting Ketika itu.Kelantan menajadi negeri bawahan Kesultanan Melaka pada tahun 1499.Pada abad 1511 kejatuhan melaka telah menyebabkan Negeri Kelantan telah dibahagikan dan diperintah oleh raja-raja kecil.Pada abad 1603 Negeri Kelantan telah diancam oleh Siam perkara ini telah mneyebabkan kebanyakam raja kecil

bernaung di bawah Persekutuan Pattani Besar. Dibawah kerajaan Patanni Negeri Kelantan telah dibahagi kepada empat wilayah iaitu Kelantan timur, Kelantan Barat, Legeh dan Ulu Kelantan. Seorang Putra Raja Kelantan Barat berjaya melakukan penyatuan Kelantan sekarang pada tahun kira-kira 1760. Bagaimanapun ianya tidaklah begitu lama Long Yunus iaitu seorang Putera Raja Kelantan Timur, anak Long Sulaiman berhasil merebut takhta kerajaan dan telah menyatakan bahawa diri beliau adalah sebagai seorang Raja Kelantan pada tahun 1964 iaitu beberapa tahun selepas Putera Raja Kelantan Barat berjaya menguasainya. Bagaimana pun selepas kematiannya Negeri Kelantan telah dipengaruhi Negeri Terengganu.

Raja Muhammad telah mendeklarasikan dirinya sebagai sultan yang pertama pada tahun 1800. Namun Selepas dua tahun baginda berjaya melepaskan diri daripada negeri Terengganu. Pada tahun 1820 an Neger Kelantan merupakan negeri yang paling ramai diduduki oleh penduduk serta merupakan negeri yang paling Makmur kerana berjaya daripada dijajah dan berlaku periklanan yang menimpa negeri-negeri diselatan dan barat. Oleh itu, Siam telah memainkan peranan penting di Negeri Kelantan pada abad ke-19. Pada tahun 1909 didalam perjanjian inggris-Siam, Siam telah menyerahkan Kelantan, Terengganu, Kedah serta Perlis kepada Britania, dan Kelantan telah menjadi salah satu daripada Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dibawah Resdien British.

Negeri Kelantan merupakan negeri pertama yang ditakluki oleh Jepun pada 18 Disember 1941. Semasa Kelantan dijajah oleh Jepun, Siam sekali lagi mengawan negeri Kelantan. Namun selepas berlaku kekalahan pada jepun iaitu pada tanggal Ogos 1945, Negeri Kelantan kembali pada pemerintahan Inggeris. 1 Februari 1948 Kelantan telah menjadi sebahagian daripada Persekutuan Tanah Melayu serta dengan negeri-negeri yang

lain sekaligus mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Negeri Kelantan telah menjadi salah satu dari negeri-negeri yang membentuk Persekutuan Malaysia. Negeri Kelantan mengalami iklim tropis, di mana hampir setiap tahun hujan turun dengan berselang-seling mengikut bulan tertentu pada setiap tahun. Biasanya hujan yang lebat akan terjadi selama beberapa hari atau beberapa bulan akan turun pada bulan November, Desember dan Januari. Suhu setiap hari rata-rata 21 °C

Negeri Kelantan merupakan negeri yang bersempadanan dengan wilayah selatan Thailand yang dulu dikenali sebagai Negeri Patani darul Salam. Dari segi sejarahnya, Negeri Kelantan mempunyai hubungan sejarah yang sangat akrab dengan Kesultanan Melayu Patani yang dibawah petintah Kesultanan Melayu Islam. Hal ini kerana, Kesultanan Melayu Kelantan mempunyai pertalian darah dengan kesultanan Melayu Patani dan juga kesultanan Melayu Negeri Champa. Setelah Kesultanan Melayu Patani dikhianati oleh Siam dan Inggeris, ia telah ditawan oleh Thailand. Oleh itu, telah menyebabkan Negeri Patani telah dipecah menjadi beberapa wilayah kecil yang terdiri daripada Yala, Narathiwat, Patani serta Songkla.

Pada tahun 1948, didalam perjanjian inggris-siam demografi pemerintahan selatan Siam telah dipisahkan. Oleh itu, Kelantan berada dibawah Malaysia manakala negeri-negeri Patani berada dibawah Thailand. Namun begitu Kelantan mempunyai budaya yang sangat unik yang berkaitan dengan Negeri Patani. Asimilasi antara budaya Melayu, Islam dan Siam yang menghasilkan permaian rakyat seperti Dikir Barat, Main puteri, Mak yong dan sebagainya. Mak Yong ini adalah budaya yang dipengaruhi daripada Siam (Thailand), manakala Dikir Barat pula mempunyai unsur-unsur Islam. Bagi Main

puteri ianya dikaitkan pula dengan budaya Hindu.Negeri Kelantan ini bukan sahaja terkenal dengan Permainan rakyat bahkan terkenal juga dengan makanan Tradisionalnya

2.4 Asal usul dikir barat

Dikir barat pada masa kini masih lagi sama-samar daripada mana asalnya permainan ini.Banyak pendapat yang diperkatakan mengenai dikir barat.Kebanyakan pendapat mengatakan bahawa yang dikir barat ini asalnya daripada Selatan Siam.Walaubagaimanapun Dikir Barat ini lebih dikenali dengan panggilan Dikir Karut yang dibawa dari negeri Siam ke Negeri Kelantan.Menurut masyarakat di Kelantan perkataan Barat ini memberi maksud Selatan Siam.Perkara ini dapat dilihat juga dengan perkaitan yang negeri Kelantan ini pada dulunya dijajah oleh Kerajaan Siam.Masyarakat daripada kedua belah negeri ini seringkali berulang alik secara tidak langsung dikir ini telah dibawa kesana sini dan dapat diterima oleh masyarakat pada Ketika itu.Semasa di Kelantan ianya dibawa dalam bentuk dikir dan disan juga dikir ini ditambah dengan pantun-pantun serta ada diubahsuai persembahannya serta loghat yan bersesuaian mengikut keadaan sekeliling serta suasana tempat.

Pak Leh Tapang merupakan orang yang lama didalam dikir barat,apabila masyarakat menyebut mengenai dikir barat nama beliau seringkali diingati.Ramai masyarakat mengenali beliau melalui dikir barat.Pak Leh Tapang ataupun dikenali nama sebenarnya iaitu Haji Mat Salleh Bin Hj.Ahmad. Beliau berasal daripada Kampung Tapang,Kota Bharu.Beliau sendiri mengaku bahawa yang dikir barat ini memang berasal daripada Selatan Siam.Beliau yang mengubahkan Dikir Barat ini dengan menambahkan pantun-pantun didalam Dikir tersebut.Dikir Barat ini semasa ianya dibawa ke Kelantan ianya masih didalam dikir yang tidak mempunyai pantun.Beliau pernah dipanggil Jepun

untuk meriwayatkan sesuatu dengan cara berpantun Ketika bawah pemerintahan Jepun.Pada Ketika itu,terdapat satu kumpulan dikir yang diketuai oleh Jaffar Wakaf Mek Zainab yang telah memperkenalkan dikir di kampungnya.Semasa itu,awak-awak didalam kumpulan tersebut terdiri daripada orang-orang Melayu Barat(Selatan Siam).Lagu-lagu kebanyakannya dibawa daripada selatan siam dan Pak Leh Tapang pula telah pun mengubah lagunya dengan menambahkan pantun-pantun yang bersesuaian agar dikir barat yang dimainkan sedap lagi didengar oleh masyarakat.

2.4.1 Dikir Barat

Dikir barat merupakan sebuah permainan tradisional yang diminati dimainkan oleh Masyarakat dinegeri Kelantan,Dikir ini kebiasaannya wujud di dalam kampung-kampung serta pinggir bandar.Dikir barat ini merupakan satu persembahan tradisional dinegeri Kelantan dan ianya dijadikan sebagai satu hiburan rutin oleh masyarakat setempat yang dimainkan pada waktu-waktu lapang bukan sahaja dimainkan Ketika adanya keramaian.Persembahan dikir barat ini dimainkan didalam bentuk satu kumpulan .Didalam kumpulan itu terdapat seorang Tukang Karut dan Tok Juara.Tukang karut dan tok Juara ini mereka akan mengarut berhabis-habisan sambil berbalas-balas pantung serta diikuti dengan awak-awak sebagai suara latar dengan suara yang kuat dan lantang.

Dikir Barat ini bukan sahaja dimainkan untuk hiburan malahan dimainkan juga sebagai pertandingan.Dikir barat ini kebiasaannya dimainkan oleh masyarakat Ketika musim menuai padi serta didalam perkahwinan.Kebanyakan pertandingan dimainkan atau diadakan oleh persatuna-persatuan belia setempat ,badan kerajaan,ataupun orang-orang tertentu.Tujuannya adalah untuk mengutip

wang. Dikir merupakan hasil daripada dua kombinasi seni iaitu, dikir dan pantun atau dikir dan karut. Karu ini membawa maksud dari segi istilahnya adalah mengarut dalam dua bentuk iaitu syair dan pantun. Oleh itu, Dikir Barat, Dikir Karut, Dikir Pantun dan Dikir Syair membawa maksud yang sama. Namun begitu, dinegeri Kelantan ini lebih terkenal dengan Dikir Barat dan di Selatan Thai pula adalah Dikir Karut.

2.5 Sejarah dikir barat

Dikir berasal dari zikir yang diambil daripada perkataan Arab. Zikir adalah beberapa perkara yang dilakukan oleh umat Islam untuk memberikan pujian dan kesyukuran kepada Allah SWT. Sejarah dengan Harun Jaafar (2009), telah dijelaskan bahawa kata Dikir berasal dari perkataan Arab yang menyebutnya sebagai zikir yang mengisyaratkan untuk mengingati Allah SWT. Isinya adalah bacaan dan doa yang tidak meragukam dan mengandungi kata-kata yang memuji Allah Swt. Harun Mat Piah (1989) juga menyatakan bahawa nama dikir yang berkaitan dengan kata zikir dikatakan kepada Islam kerana jelas bahawa nyanyian itu difahami oleh semua orang sebagai puisi yang memuji Rasulullah. Selaras dengan Ghulam Sarwar Yousof (1994, halaman 72) juga ada menyatakan bahawa dikir sebagai zikir adalah sebagai kegiatan bukan perkara yang diamalkan di tempat lain, di mana ianya terdapat didalam masyarakat Muslim yang tinggal di Thailand, dalam keadaan bentuk yang sangat suci, tanpa tarian. Terdapat pelbagai pendapat yang mempunyai maksud yang hampir sama antara dikir sebagai yikey dan jikey, yang masih giat aktif hingga kini di Thailand, Kemboja, dan Malaysia. Dikir mungkin daripada pelbagai perbahasan ayat yang melibatkan peserta lelaki yang berpunca daripada nyanyian agama Islam. . Perkataan dikir ini bukan saja hanya diketahui di Malaysia, tetapi juga

diketahui di Thailand. Di Thailand, mereka menyebutnya sebagai dikay dan persembahan mereka mungkin berlaku untuk iringan tarian dan muzik yang disediakan oleh gendang single-face genggam yang dikenali sebagai Ramana atau dalam rebana panggilan Melayu. Dikay kemudian diperkenalkan ke istana Raja Rama. Dengan semua pernyataan ini menunjukkan bahawa perkataan dikir pada asalnya berasal dari perkataan Zikir dari perkataan Arab dan juga mempunyai hubungan dengan unsur-unsur Islam.

2.5.1 Ahli dikir barat

Dikir barat ini dilakukan persembahan dengan satu kumpulan. Didalam kumpulan dikir barat tersebut terdiri daripada seorang Tukang Karut, seorang Juara dan awak-awak yang terdiri daripada 15 orang sehingga 30 orang. Didalam diki barat Tukang Karut merupakan orang yang penting perlu ada. Hal ini kerana, Tukang karut didalam dikir barat ini adalah seorang yang perlu berpantun dan bersyair. Tukang Karut akan berpantun ataupun bersyair secara spontannya mengikut mereka punya keselesaan. Oleh itu, segala idea-idea, isi-isi yang terdapat dalam puisi, penggunaan bahasa serta persoalan yang dikemukakan yang dilontarkan adalah secara spontan tanpa berfikir banyak kali. Johgo atau pun dikenala sebagai juara adalah orang yang kedua terpenting didalam dikir barat. Hal ini kerana adalah Johgo ini akan berdikir dahulu sebelumnya Tukang karut memulakan. Walaubagaimanapun, juara ini juga terpaksa mengarut sebelum masuknya tukang karut akan tetapi karutnya hanyalah sedikit berbanding Tukang karut. Kebiasaannya akan berlaku sebelum persembahan dimulakan. Juara ini ianya akan berdikir sambil duduk sepanjang persembahan manakala Tukang Karut ini akan mendendangkan karutnya sambil berdiri. Selain daripada tukang karut dan juara didalam dikir barat ini terdapat juga awak-awak,

awak-awak ini berfungsi sebagai kumpulan orang yang berdirik didalam satu permainan. Pemuda yang berumur belasan tahun kebiasaannya akan menyertainya menjadi awak-awak akan tetapi ada juga daripada golongan orang dewasa

2.5.2 Kod etika pemakaian

Pemakaian dikir barat ini sebenarnya tidak mempunyai pakaian yang khas harus dipakai. Semasa Permainan Dikir Barat di Kelantan yang berasal daripada Selatan siam ini tidak mempunyai satu pakaian yang rasmi ataupun ditetapkan semasa berdirik. Hal ini kerana, permainan dikir barat ini merupakan permainan yang biasa-biasa sahaja dan dimainkan didalam golongan masyarakat setempat sahaja, Namun begitu, pada masa kini Kebanyakan dikir barat telah mementapkan pakaian mereka adalah dengan berpakaian kemas serta mempunyai tengkolok yang berseuaian dipakai oleh mereka Ketika melakukan persembahan.

2.5.3 Alat muzik yang digunakan

Pada awal perkembangan awal dikit barat, Persembahannya dimainkan hanya menggunakan satu alat idofon iaitu kecerek iaitu keeping-kepingan-kepingan buluh yang diketuk bersama untuk menghasilkan rentak irama dikit barat. Pada ketika itu mereka tidak menggunakan tangan untuk bertepuk-bertepuk bagi menghasilkan irama akan tetapi mereka menggunakan tangan mereka meletakkanya dipipi masing-masing bagi menguatkan suara mereka Ketika persembahan berlangsung.

Pada masa kini, kebanyakan persembahan dikir barat telah menggunakan ensemble yang bersesuaian bagi memainkan semasa persembahan dikir barat

ini. Antara alat muzik yang digunakana adalah dua biji rebana iaitu rebana anak dan ibu, tetawak, sepasang rumbia (marakas), Canang dan Kerci. Sebelum persembahan bermula Juara akan memilih alat muzik yang dimainkan kerana ingin mendapatkan rentak yang bersesuaian dengan lagu yang dimainkan.

2.5.4 Fungsi dikir barat

Permainan dikir barat ini dimainkan mempunyai fungsinya bukan sahaja dimainkan sebagai hiburan semata-mata. Antara fungsi dikir barat ini adalah sebagai pertandingan. Pertandingan ini diadakan adalah untuk merebut juara antara kumpulan yang dipertandingkan. Dikir barat ini juga dipersembahkan kepada pengantin Ketika acara keramaian. Hal ini adalah untuk memeriahkan lagi majlis yang diadakan Ketika masyarakat datang ke kenduri. Selalunya dikir barat ini diadakan oleh persatuan-persatuan tujuannya adalah untuk mendapatkan keuntungan sedikit.

Dikir Barat ini juga berfungsi sebagai menyampaikan mesej secara langsung serta spontan. Ahli yang berperanan adalah Juara dan Tukang Karut. Hal ini kerana adalah untuk mewujudkan interaksi serta perhubungan mesra dengan masyarakat umum bagi mewujudkan sebuah suasana yang meriah. Tujuan ini juga adalah untuk menhidupkan serta cuba mencungkil bakat Seni Dikir Barat yang adalah didalam kalangan Rakyat Malaysia. Perkara ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim didalam golongan masyarakat sekaligus dapat memupuk lagi perpaduan didalam Masyarakat.

Seterusnya, dikir barat ini memainkan peranan kepada rakyat bagi mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan tepat serta dapat bertindak dengan lebih positif melalui komunikasi antara pendikir dan masyarakat. Dikir barat ini dapat juga menaikkan semangat patriotism dan cintakan negara didalam golongan orang muda. Hal ini disebabkan, dikir ini dapat menerapkan nasihat dan nilai-nilai yang baik dalam setiap isi lagu yang dimainkan.

2.6 Nilai moral

Nilai-nilai moral adalah ajaran atau pegangan yang berkaitan dengan keburukan tindakan seseorang atau penggunaan tingkah laku yang dilakukan. Sebagai tambahan, moral juga melibatkan tujuan atau cara tingkah laku yang disokong atau diukur dalam memberi maksud sesuatu. etika yang secara peribadi yang menentukan dan membezakan niat, tindakan, kelahiran, atau kehidupan individu yang betul dan salah. Ashmore (1987) ada juga mengatakan kata moral berasal dari kata mos (mores) yang sinonim dengan moral, tingkah laku moral adalah bahawa pengajaran yang baik dan buruk, yang melibatkan tingkah laku dan tindakan manusia. selaras dengan Anisha Ani (2015), moral mungkin merupakan pengetahuan yang sememangnya beradab dan juga merupakan tindakan yang bernilai positif dan istilah ini juga tidak akan menentukan batas dari segi kehendak atau pendapat.

Nilai moral inilah yang dapat menentukan tingkah laku baik seseorang dalam taraf hidup individu. Kamus Edisi Kedua ada mengatakan bahawa moral adalah beberapa perkara yang mengajar tentang perkara yang betul atau salah. Perkara ini berkaitan dengan

moral dalam agama iaitu cara moral menggunakan rasa hormat terhadap fogey dan sekiranya tidak bermoral, tidak perlulah moral dan tidak perlu menghormati fogey. Tanpa peraturan sosial (moral), akan ada satu konflik dan persengketaan tanpa henti di mana kehidupan manusia menjadi jahat, liar, dan sombong. (Mohd. Janib Johari, 1994). selaras dengan kamus sekolah Oxford Advanced, Edisi Keenam, kesedaran moral tentang kelakuan salah dan silap, apa yang harus dipatuhi dan ditinggalkan serta dipraktikkan. selaras dengan buku (Anthrophology Cultural, 2014, halaman 63), nilai adalah untuk berkongsi idea tentang apa yang benar, dan betul.

2.7 Aplikasi Teori

Dalam penyelidikan, penyelidik mestilah mempunyai satu kerangka teori sebagai asas berfikir sehingga menjadi sebagai contoh bagaimana penyelidik mendapatkan maklumat ataupun perkara yang dipilih. Kerlinger ada menyatakan bahawa yang teori boleh menjadi sekumpulan didalam konsep, definisi, dan proposisi yang memberikan gambaran saintifik mengenai gejala dengan menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah untuk menjelaskan gejala. Didalam Kerangka teori ini perlulah memperolehi satu teori yang relevan. Setiap selidik yang dijalankan harus mempunyai teori yang relevan agar maklumat kajian yang dilakukan diperlohli dengan tepat dan berkaitan dengan teori yang digunakan. Teori yang relevan ini juga diusulkan juga oleh Sperber dan Wilson bagi menukar teori yang sedia ada. Teori yang relevan ini juga haruslah mempunyai fakta bagi membentuk dan memilih konsep serta prinsip yang relevan yang digunakan. Bagi mengaplikasikan teori ini idea juga sangat diperlukan terutama dari segi aspek ,bahasa

lisan,kesan puitisnya,dimensi deskriptif dan interpretatif kreatif , bahasa literal serta kiasan yang digunakan dan pertuturan.

Kajian lirik lagu “Dikir Barat” di atas akan di kaji menggunakan Teori Relevans setelah mengenal pasti penggunaan teks lirik lagu “Dikir barat” serta membincangkan makna yang terdapat dalam lagu “Dikir Barat” dengan menggunakan Teori Relevans. Teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber & Wilson (1986) ini akan menekankan aspek yang dapat difahami antara penyanyi dengan pendengar dalam berkomunikasi (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992:33). Dengan Teori Relevans, teori ini dapat membantu memberi makna secara lebih terperinci dan lebih tepat. Oleh itu,teori ini dapat di gunakan bagi mengkaji lirik dikir narat tersebut bagi mendapat makna , kesan dan usaha yang disampaikan dalam lirik lagu tersebut.

Teori ini bukan bertujuan untuk menerangkan maksud 'relevan', tetapi sebaliknya bertujuan untuk menerangkan dalam mentafsir ucapan. Maksud lain ialah dalam usaha memproses memberi maksud yang ingin disampaikan oleh pendikir manakalan pendengar pula akan cuba membuat tafsiran yang relevan secara optimum.

2.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya,didalam bab ini kajian yang dilakukan oleh penyelidik telah mengemukakan beberapa sejarah mengenai kajian yang dilaksanakan,serba sedikit keterangan melalui nilai moral yang boleh didapati dalam kajian lagu dikir barat.Kajian ini dilakukan berdasarkan kata kunci nya terutama didalam lagu dikir barat,Hal ini kerana,melalui lagu dikir barat ini kita akan memperoleh perkataan yang tersirat yang boleh kita menjelaskan perkataan tersebut lebih mendalam.Didalam kajian ini,pengkaji

juga telah menemui beberapa bahan bacaan atau rujukan yang bersesuaian untuk dikaitkan dengan kajian penyelidikan yang ingin dijalankan. Sebagai contohnya, bahan rujukan artikel manakala didalam lirik lagu penyelidikan memperolehi kata tesirat yang boleh dibuat oleh penyelidik sebagai kajiannya. Berdasarkan kajian lepas, objektif serta persoalan kajian, kajian yang dijalankan ini akan membantu serba sedikit.



Bab 3

Metodologi

3.1 Pengenalan

Sumber data boleh didapati dengan berbagai cara. Didalam bab ini akan membicarakan cara penyelidikan menggunakan beberapa kaedah kajian untuk mendapatkan maklumat dengan lebih tepat dan dapat membantu penyelidikan didalam kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan bagi membantu dalam mendapatkan maklumat penyelidikan akan menggunakan kaedah kualitatif. Namun begitu sumber data yang diperolehi adalah melalui analisis dokumen yang dilakukan. Penyelidik juga menggunakan sumber sekunder bagi mengumpul maklumat-maklumat. Sumber sekunder yang digunakan daripada perpustakaan, melalui laman sesawang, serta ulasan-ulasan yang dibaca oleh pembaca melalui akbar, artikel dan sebagainya.

3.2 Kaedah penyelidikan kualitatif

Pada tahun 2000 kaedah penyelidikan kualitatif ini telah jarang dilakukan (Walcott 2009), Kaedah ini lebih popular digunakan pada awal 1990-an. Kebiasaannya kaedah kualitatif ini digunakan adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan benar termasuklah didalam sejarahnya serta maklumat-maklumat yang lain. Kajian kualitatif Bryman (2008) merupakan strategi penyelidikan yang biasanya menekankan kata-kata dan bukannya data komputasi yang dikumpulkan dan dianalisis. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik kebiasaannya mempunyai data mereka yang tersendiri yang dapat membezakan dengan kaedah kajian kuantitatif. Data kualitatif ini adalah terdiri daripada pemerhatian, menganalisis dokumen, membuat nota-nota serba sedikit lapangan serta

buku harian yang disediakan oleh penyelidik sendiri bagi menyokong segala kerja yang dilakukan dalam kaedah kualitatif. Didalam bab ini bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan relevan bagi memperkukuh segala kajian yang dilakukan, penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif yang lebih cepat digunakan bagi mengelakkan ketinggalan maklumat yang penting. Pengumpulan data melalui kaedah kualitatif ini adalah bersifat deskriptif, secara lisan serta tingkah laku manusia yang dilakukan dapat diperhatikan (Taylor dan Bogdan, 1984). Kaedah pengumpulan data kualitatif ini adalah hasil daripada tiga jenis data utama yang diperolehi seperti pemerhatian yang dapat memberi gambaran yang lebih jelas dalam situasi, peristiwa, interaksi dan tingkah laku. Seterusnya, melalui perbualan penyelidik dapat juga mengumpulkan data iaitu melalui pengalaman-pengalaman, kepercayaan mereka, pemikiran yang boleh diambil agar dapat memperkuat lagi kajian penyelidik. Kaedah pengumpulan data kualitatif ini melibatkan dua jenis iaitu primer dan sekunder. Kaedah kualitatif yang sekunder adalah penyelidik akan menggunakan perpustakaan sebagai tempat kajiannya, adalah untuk mencari dokumen ataupun buku-buku rujukan yang bersesuaian dengan tajuk yang dilakukan oleh penyelidik. Data-data bersesuaian yang diperolehi melalui kaedah sekunder ini akan diambil dan dianalisis terlebih dahulu sebelum ianya dijadikan sebahagian daripada maklumat yang lengkap kepada penyelidik membuat kajian.

3.2.1 Data sekunder

Data sekunder ini juga merupakan data yang terpenting kepada penyelidik. Hal ini kerana, penyelidik akan diberikan gambaran terlebih dahulu sebelum melakukan kajian yang sebenar. Data Sekunder ini penyelidik akan memperolehi data-datanya melalui bahan bacaan sebagai contohnya

buku, jurnal, artikel, akhbar, bahan internet dan rujukan-rujukan yang diadakan oleh penyelidik dipergustakaan sebagai tambahan. Kaedah sekunder ini merupakan kaedah yang penting juga dilakukan oleh penyelidik selain daripada primer. Hal ini kerana, Sumber sekunder adalah rujukan daripada bahan-bahan bacaan yang dapat membantu lagi penyelidik lebih relevan dalam melakukan kajian.

3.2.2 Analisis dokumen

Kaedah analisis dokumen ini pula dapat memberikan secara lebih terperinci didalam analisis datanya. Didalam analisis ini kandungan datanya akan diperolehi daripada penerangan objektif secara berkomunikasi, bercetak serta penerbitan. Analisis dokumen ini adalah perkara yang diperolehi daripada isi teks yang dibaca, simbol yang diperolehi pada dokumen tersebut, tema dan sebagainya (Sabitha Marican, 2009:97; Babbie 2010:33). Analisis dokumen ini adalah satu perkara yang sama dapat ditakrifkan dengan buku teks, surat, artikel, journal, gambar dan sebagainya. Segala data yang dapat ini akan dianalisis dahulu dalam beberapa bentuk. Dokumen yang telah dianalisis akan diambil untuk dijadikan sebagai rujukan kepada penyelidik. (Fraenkel dan Wallen, 1993: 389) Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Kesimpulannya, analisis dokumen ini merupakan sumber yang paling memudahkan untuk penyelidik mencari sumber-sumber yang boleh berkaitan dengan kajiannya.

3.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, didalam bab ini telah membincangkan strategi pengumpulan data oleh penyelidik bagi mendapatkan sumber-sumber pengetahuan yang berkaitan dengan tajuk yang akan dikaitkan. Metodologi kajian ini perlulah sesuai dengan kajian yang akan dibuat untuk mengesahkan bahawa data yang diperoleh adalah tepat dan sah. Semasa kajian ini, penyelidik telah menggunakan cara yang sesuai dengan tajuk kajian yang ingin di ulas.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Dikir Barat merupakan salah satu seni persembahan yang terkenal di Kelantan selain daripada persembahan Wayang Kulit, Main Putri dan Mak Yong. Dikir Barat juga merupakan persembahan yang menggunakan alat paluan dan juga memerlukan suara vokal daripada setiap ahlinya. Persembahan Dikir Barat ini kebiasaannya dimainkan selepas musim menuai padi dan juga dalam beberapa majlis seperti perkahwinan, berkhatan dan sebagainya. Pada tahun 1960-an persembahan dikir barat ini turut dipersembahkan secara bayaran seperti di atas pentas terbuka seperti di padang atau tanah lapang. Persembahan dikir barat ini juga selalunya dipersembahkan dari pukul sepuluh malam hingga empat pagi. Pendikir ini berlatih pada waktu sedemikian adalah untuk menaikkan aura-aura pendikir pada Ketika itu yang dalam keadaan sunyi sepi hanya mendengarkan suara mereka secara kumpulan sahaja berdirir.

Dalam bab 4 ini, pengkaji akan menganalisis data bagi menjawab kesemua persoalan kajian yang terdapat dalam bab 1 iaitu berkaitan nilai-nilai murni yang terdapat dalam lagu dikir barat Cikgu Naim. Selain itu, segala objektif kajian yang telah dinyatakan dalam bab 1 akan terjawab sepenuhnya dalam bab 4 ini, bagi menghasilkan satu kajian yang lengkap.

4.1 Analisis data

Bagi menganalisis data, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kaedah temubual, kaedah perpustakaan atau dikenali sebagai data sekunder. Dalam kaedah

perpustakaan ini juga, pengkaji akan menganalisis data atau kajian melalui sumber buku, internet dan artikel. Sumber ini digunakan untuk mendapatkan data berkaitan lirik lagu Dikir Barat yang pernah dibawakan oleh Cikgu Naim. Pengkaji juga merujuk kepada artikel-artikel yang sesuai digunakan dalam membuat kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Maklumat-maklumat yang diperolehi oleh pengkaji akan dianalisis semula bagi mengenalpasti ketepatan pengkaji sebelum mula melakukan penafsiran lirik-lirik lagu yang dimainkan oleh cikgu Naim.

4.1.1 Kaedah Temuduga

Kaedah temu bual merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan hasil kajian melalui responden. Temu bual ialah perbualan yang dijalankan antara pengkaji dengan orang yang ditemu bual. Temu bual yang dijalankan menggunakan aplikasi whatsapp dengan menanyakan kepada temu bual beberapa soalan yang berkaitan. Aplikasi whatsapp digunakan bagi mendapatkan maklumat adalah disebabkan masalah pandemik covid 19 serta kekangan masa oleh responden.

Pengkaji telah menemu bual seorang Dikir Barat yang sudah lama bergiat dalam dikir barat bagi mendapatkan maklumat berkaitan Cikgu Naim. Individu tersebut dikenali sebagai Encik Mohd Zain Bin Ismail atau Jen Endoro dan berumur 61 tahun. Bergiat dalam bidang Dikir Barat sejak berumur 15 tahun sehingga kini dan beliau pernah di atas pentas sekali berdirik bersama Cg Naim yang betajuk Karut Yengki.

4.1.2 Kaedah perpustakaan

Kaedah perpustakaan merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan hasil kajian melalui pembacaan daripada bahan-bahan ilmiah. Kaedah

perpustakaan ialah satu pembacaan bahan-bahan ilmiah yang dijalankan oleh pengkaji dengan menggunakan perpustakaan sebagai tempat untuk mencari bahan ilmiah yang boleh diguna pakai dalam kajian ini. Kaedah perpustakaan ini menjadi pilihan saya adalah untuk memperolehi data-data yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan. Melalui kaedah ini pengkaji akan mengumpul segala bahan bacaan serta input yang diperolehi sebelum membuat penganalisisan yang sebenar dalam kajian.

4.2 Jenis-jenis lagu.

Cikgu Naim adalah seorang penyanyi Dikir Barat yang terkenal di Kelantan dan beliau juga mempunyai banyak lagu Dikir yang berunsur nasihat dan pengajaran kepada masyarakat. Lagu-lagunya yang dicipta dan dimainkan juga adalah untuk menggalakkan orang ramai melakukan kebaikan tetapi juga dalam membawa kelebihan menggunakan sindiran halus secara umum. Selain itu, beliau juga mempunyai lagu-lagu berkaitan isu semasa yang sering berlaku di Kelantan dan sering dihadapi oleh masyarakat Kelantan.

Berdasarkan pada objektif pertama ini saya akan menghuraikan lirik lagu dikir barat yang mempunyai nilai moral yang terdapat didalam persembahan dikir barat Cikgu Naim berdasarkan tema lagu yang disampaikan oleh beliau dalam lagunya. Antara lagu yang boleh dikategorikan ialah lagu yang mempunyai nilai moral serta lagu yang dihasilkan sebagai hiburan akan tetapi berkaitan isu semasa.

4.2.1 Lagu yang mempunyai nilai moral.

Cikgu Naim, mempunyai lebih kurang 6 buah lagu yang mempunyai unsur nasihat atau pengajaran yang ingin disampaikan. Antara lagunya adalah yang berunsur nasihat ialah lagu Dikir Motivasi, Sesal Tok Ngaji, Rokok, Boyo,

Salam untuk sahabat dan Terima Kasih Cikgu. Bagi lagu “Sesal Tok Ngaji” ini memfokuskan kepada penyesalan seseorang yang tidak bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu apabila berpeluang menuntut ilmu, dalam lagu tersebut turut dinyatakan kesan jika tidak menuntut ilmu kepada individu pada masa hadapan. .

Seterusnya, lagu rokok pula ini menceritakan tentang kesan buruk merokok terhadap individu serta penyakit yang bakal dihadapi oleh perokok. Pelbagai inisiatif giat dijalankan oleh kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat. Lagu yang bertajuk “Boyo” berkait dengan wanita, iaitu ebi berhati-hati dalam memilih lelaki, kerana lelaki pada masa kini mempunyai banyak perangai dan tidak dapat diramalkan. Lagu “Salam Untuk Sahabat” pula akan menceritakan tentang kasih sayang terhadap rakan sejak di bangku sekolah dan betapa individu itu menghargai rakannya. Akhir sekali, lagu bertajuk “Terima Kasih Cikgu” mengisahkan tentang jasa guru terhadap anak muridnya yang mendidik tanpa sebarang rungutan.

4.2.2 Lagu Mempunyai Metafora

Sindiran ialah perbuatan menegur kesalahan seseorang secara kiasan dan tidak memberitahu secara terbuka. Antara lagu yang jelas menunjukkan unsur sindiran adalah lagu berjudul Apa khabar, Mat Rempit, Burung Ngecap Madi, dan Cerita Orang Kampung. Semua lagu-lagu yang disenaraikan di bawah ini mempunyai nilai kata yang mendalam untuk menegur masyarakat masa kini yang mempunyai pelbagai alasan dan lagu tersebut juga amat bersesuaian dengan keadaan semasa terutamanya golongan remaja dan belia yang semakin bebas dan

mudah terpengaruh. Isu pergaulan bebas, ekonomi, kesombongan serta ketidakpercayaan.

Bagi sebuah lagu yang mulia akan menerangkan tentang individu yang memegang jawatan dan menjadi lupa diri sehingga mengabaikan masyarakat di bawahnya kerana berasa berkuasa. Lagu bertajuk “Mat Rempit” itu turut menegur gejala mat rempit yang semakin menular di kalangan remaja selain yang tidak menghormati pengguna jalan raya yang lain dan turut memberi risiko kemalangan kepada orang lain. Mat rempit ini juga telah menimbulkan masalah sehingga semakin menjadi-jadi hingga ke hari ini walaupun pelbagai alternatif telah diambil untuk membendung masalah ini.

Seterusnya, lagu berjudul “Burung Ngecap Madi” ini pula mengisahkan tentang isu pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan sehingga terlupa batas agama. Kebebasan yang melampau ini telah menyebabkan kadar masalah sosial dalam kalangan remaja semakin hari semakin meningkat. Akhir sekali, lagu bertajuk “Cerita Orang Kampung”.Lagu yang berjudul Cerita Orang Kampung ini berkaitan dengan persekitaran kehidupan masyarakat yang tinggal di kawasan kampung. Di mana perkara ini telah menjelaskan bahawa sekiranya masyarakat bandar tidak memahami situasi serta keadaan masyarakat di kampung terutamanya dari segi ekonomi mereka. Ekonomi masyarakat di kampung tidak begitu baik hanya cukup untuk menampung makan minum mereka di samping mereka juga hanya melakukan kerja kampung. Mereka juga akan berasa amat terkejut sekiranya harga barangan meningkat kerana akan membebankan masyarakat di kampung tersebut.

Secara keseluruhannya, perkara ini telah menunjukkan bahawa lagu Dikir Barat Cikgu Naim hanya boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu lagu yang mempunyai nilai pengajaran dan juga lagu yang berunsur sindiran. Perkara ini menunjukkan bahawa yang Cikgu Naim ini begitu mementingkan kemanusiaan dan peka dengan perkara yang berlaku di sekelilingnya.

4.3 Nilai moral yang terdapat dalam lirik lagu Cikgu Naim

Antara nilai moral yang dapat dikenal pasti yang terdapat dalam lirik lagu cikgu naim adalah lebih kepada nilai moral yang menjadi elemen kepada kemanusiaan. Lirik lagunya berperanan memberi kesedaran moral kepada masyarakat sekeliling khususnya generasi muda. Antara nilai moral yang terdapat dalam lirik lagu tersebut ialah:

4.3.1 Nilai Berani

Berani adalah merujuk kepada usaha atau tenaga. Berani adalah ciri yang boleh dilihat dalam pelaksanaan tindakan tertentu. Orang yang berani akan merasakan bahawa apa yang mereka lakukan ini adalah perkara yang betul betul. Perkara yang berbeza adalah perbuatan yang mereka lakukan iaitu dengan cara menolak atau tidak peduli. Secara umumnya, bertindak dengan berani ini dapat meningkatkan peluang untuk mencapai objektif yang dicari, walaupun itu tidak menjamin kejayaan yang ada

4.3.1.1 Mempertahankan maruah diri sendiri.

Mempertahankan maruah diri sendiri tanpa mengharapkan bantuan daripada orang lain bagi menjaga maruah dirinya sendiri

4.3.2 Tanggungjawab

Tanggungjawab merupakan suatu perkara yang sangat susah untuk ditentukan. Hal ini kerana, mengandungi dua makna. Makna yang pertama adalah seseorang yang dikatakan bertanggungjawab dinilai dari segi hubungannya dengan pekerjaan dan hubungan dengan orang yang mengawal pekerjaan. tanggungjawab merupakan persediaan yang telah ada dalam setiap individu, yang memberi maksud bahawa setiap individu itu perlu memastikan bahawa dirinya melaksanakan kewajipan terhadap dirinya mengikut fitrah sebagai langkah pertama, barulah dia berkemampuan untuk melaksanakan tanggungjawab dengan menggunakan usaha dan tenaga yang ada pada dirinya.

4.3.3 Behati-hati

Memberi perhatian yang teliti atau dengan kata lain adalah berhati-hati, berjimat cermat, berwaspada terutama ketika hendak melakukan sesuatu agar tidak tersilap langkah. Berdasarkan lirik ini juga telah menggunakan perkataan berhati-hati untuk menekankan mesej yang cuba disampaikan oleh penyanyi

4.3.4 Nilai Kasih sayang

Cinta maksudnya dari segi bahasa ialah Cinta, sayang dan kecenderungan diri. Dari segi istilah pula bermaksud kecenderungan ke arah sesuatu yang baik. Islam sebagai agama yang sempurna mempunyai pandangan tentang cinta. Islam memahami bahawa manusia adalah makhluk yang sempurna, dikurniakan akal,

nafsu, dan segala perasaan di dalam hatinya. Berbeza dengan malaikat yang sentiasa patuh kepada perintah Allah, manusia kadangkala lebih mengutamakan akal atau nafsunya daripada perintah Allah. Justeru, Islam turut mengatur sempadan atau bentuk kasih sayang yang dibenarkan dalam Islam.

4.3.4.1 Keikhlasan

Melakukan sesuatu perkara dengan hati yang terbuka dan ikhlas serta dengan kasih sayang dan cinta kepada perkara tersebut.

4.3.5 Bersyukur

Bersyukur adalah tanda kesyukuran atas segala nikmat dan kemudahan yang telah diberikan kepada kita. Dalam Islam, bagi sesiapa yang menzahirkan rasa syukur dalam keadaan yang sebenarnya dia sedang menderita, dia akan dilimpahi dengan pelbagai kebaikan oleh Allah. Janji ini dizahirkan oleh Allah melalui firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 156 hingga ayat 157 bermaksud: "Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali. "

4.3.6 Patriotisme

Patriotisme ini bermaksud bangsa atau negara. Patriotisme ini adalah merangkumi sikap seperti bangga dengan pencapaian dan budaya sesuatu bangsa, keinginan untuk memelihara ciri-ciri negara dan dasar budayanya, serta pengenalan

diri dengan masyarakat negara yang lain. Patriotisme ini lebih berkait rapat dengan nasionalisme, dan istilah ini digunakan seolah-olah sinonim antara satu sama lain.

4.3.7 Menghormati

Hormat-menghormati ini adalah sebagai perbuatan yang menunjukkan rasa perkhidmatan atau penghormatan kepada seseorang. Hormat menghormati amat penting bagi memastikan masyarakat hidup aman dan harmoni. Perkara ini haruslah diterapkan dalam diri masyarakat negara kita agar masyarakat didalam negara kita ini dapat hidup dalam keadaan aman dan sejahtera serta harmoni walaupun hidup dalam pelbagai kaum didalam sesebuah kawasan.

4.4. Huraian didalam setiap lagu dikir barat

4.4.1 Berani

Ni bukan zaman keris lembing senjata kayu tongkat buluh

Kapal terbang takdok stering peluru berpandu kawalan jauh

Bom nuklear hok boleh neking kuasa letupan nyalokey guruh

Bakpo kita tokse bersaing tunjuk retek kita ni jaguh

Malaysia depan hari adik-adik kena bina

Untuk bela maruah sendiri dengan ilmu hak adik terima

Ilmu Sains teknologi zaman lani sangat berguna
Jadi bangsa dihormati aman makmur selama-lama

(Cikgu Naim,2008,Dikir Motivasi)

Berdasarkan perenggan ini lirik ini beliau menggunakan kata kiasan untuk membuat perbandingan senjata antara masyarakat zaman terdahulu dan sekarang yang menyatakan bahawa masyarakat dahulu menggunakan keris dan lembing sebagai senjata mereka ketika itu malahan negara lain menggunakan bom nuklear iaitu bom yang mampu membuat letupan yang dasyat.Oleh itu,mengapa kita tidak mampu menunjukkan bahawa yang kita juga mampu menjadi berani seperti mereka dan bukan sekadar berada dalam kedudukan yang sama dari dahulu hingga kini

Oleh itu,bagi menunjukkan negara kita seperti mengikut jejak negara-negara lain,kita harus berani bersaing dan tidak hanya memerhati negara lain yang sedang membangun untk menjadikan negaranya sebagai negara yang hebat antara negara yang lain.

Teknologi pada hari ini juga amat penting kerana dapat diperkatakan sebagai penanda aras kepada kemauan sesebuah negara.Perkara ini akan menyebabkan generasi muda akan datang lebih berani maju ke hadapan bagi mempertahankan maruah dan negara dengan menggunakan segala ilmu yang ada.Perkara ini akan menyebabkan negara kita dihormati oleh negara lain yang sedang giat memajukan negara mereka

4.4.2 Tanggungjawab

Berkat tekun cikgu ajar

Pelajaran cikgu bui

Garis lurus Panjang sejekal

Sapo caru perintah negeri

(Cikgu Naim, 2000, Terima Kasih Cikgu)

Tanggungjawab adalah amanah yang diberikan oleh seseorang kepada kita dalam melakukan sesuatu perkara. Lagu bertajuk Terima Kasih Cikgu ini sangat mempunyai banyak nilai moral yang cuba disampaikan oleh beliau terutamanya berkaitan jasa guru. Dalam pantun ini menerangkan bagaimana seorang guru begitu bersungguh-sungguh dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik sehingga pelbagai ilmu di ajar sama ada ilmu rohani atau jasmani bagi melahirkan modal insan yang penuh sivik serta disiplin dalam membentuk diri sendiri dan memberi perkara positif kepada masyarakat.

Berdasarkan lirik beliau ini juga ada menyatakan bahawa kita sebagai anak murid perlu bersungguh-sungguh agar satu hari nanti kita dapat menjadi seorang yang berguna serta mampu memimpin negara satu hari kelak.

Kempen anti rokok loni tengoh duk jale

Label ore pacok genap lorong tepi jale

Radio, tv jugok oyak sie male

Rakyat segenap cerut patut bui perhatian

(Cikgu Naim,2008,Rokok)

Lagu rokok yang direkakan khas oleh cikgu naim ini adalah lagu yang ditujukan kepada mereka yang menghisap rokok. Berdasarkan lirik lagu ini ada yang menyampaikan kesan keburukkan rokok kepada masyarakat seperti penyakit yang bakal dihadapi oleh mereka. Dalam rangkap lirik yang dipilih ini telah menunjukkan nilai tanggungjawab iaitu dimana semua pihak telah memainkan peranan untuk menghalang masyarakat daripada terus menghisap rokok. Perkara ini boleh dinilai sendiri bagi mereka yang bertanggungjawab untuk mencegah perkara sebegini. Pelbagai kempen telah dilakukan serta membuat iklan-iklan di televisyen dan radio juga. Oleh itu, lirik lagu ini menyatakan bahawa yang masyarakat dinegara kita harini perlulah memberi perhatian serta mengambil Tindakan dengan perkara yang disiarkan supaya masyarakat hidup dalam keadaan harmoni tanpa sebarang bau yang tidak bagus seperti daripada asap rokok dimana-mana tempat terutama tempat terbuka yang mampu membahayakan juga kesihatan masyarakat lain.

Tulong belaja lah panda-panda

Anok-anok dok tengoh mengaji

Lo ni baru ku kaba

Kano dulu aku tok ngaji

Mace bare tak dok nila

Ore hino ore keji

Adik-beradik pun tok hira

Ore lain apo lagi

(Cikgu Naim, 2002, Sesal Tok Ngaji)

Lagu sesal tok ngaji juga ini juga mempunyai unsur tanggungjawab. Lagu ini lebih tertumpu kepada pelajar yang masih belajar, hal ini kerana lagu ini berkaitan penyesalan iaitu penyesalan tidak bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu. Berdasarkan rangkap ini menunjukkan bahawa yang peralajar bertanggungjawab untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh kerana mereka yang tidak mempunyai ilmu ini mereka ibarat seperti barang yang tiada nilai. Selain itu, adik-beradik dan orang sekeliling juga tidak akan mempedulikan kita sekiranya kita tidak mempunyai ilmu yang menjadi bekalan masa hadapan dan perkara ini sudah menjadi tanggungjawab setiap individu dalam membuat persiapan pada masa hadapan. Persiapan awal dilakukan adalah untuk mengelakkan individu ini menyesal di hujungnya nanti menjadi seperti manusia yang tidak ada nilai pada keluarga dan masyarakat setempat.

Dalam Islam juga ditekankan tentang menuntut di mana menurut hadis Riwayat Muslim, Dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Barangsiapa

yang menempuh jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah memudahkan baginya jalan menuju Syurga". Daripada huraian hadis tersebut dapat dinyatakan sekiranya orang yang menuntut ilmu akan mendapat kemudahan dan pertolongan daripada Allah SWT, serta mendapat balasan Syurga di akhirat kelak. Orang yang berilmu mempunyai kelebihan tertentu kerana dapat memberi petunjuk kepada kebaikan dan dapat membezakan yang hak dan yang batil. Orang yang menuntut ilmu akan dapat memberi manfaat kepada diri, masyarakat dan negara.

4.4.3 Kasih sayang

Salam untuk sahabat yang ikhlas dariku

Semoga menjadi ubat, penawar hati yang rindu

Aku nok tulis surat alamt mu ku tok tahu

Telipon pong mung dok jawab ko tukar no hok baru

Aku Tok tahu

Sejak sekolah lagi kito duo saing rapat

Kaley roba kito kosi, baco buku duduk dekat

Nok masuk kantin sekali, nok masuk jambe pong pakak

Duk main pegi maghi, tengoh pade samo melompat

Ikhlas hati putih dale persahabatan

(Cikgu Naim, 2000, Salam Untuk Sahabat)

Perasaan cinta ini dimiliki oleh semua manusia didunia ini.Sama ada cinta sesama manusia,cinta kepada haiwan,harta benda atau fitrah itu adalah perasaan biasa dan menjadi lumrah kehidupan manusia.Kasih sayang juga merupakan salah satu nilai moral yang boleh diikuti oleh setiap orang.

Berdasarkan lirik diatas dapatlah dinyatakan bahawa lagu ini menunjukkan rasa cinta dan kasih sayang terhadap rakan sekolahnya yang telah lama berpisah.Di mana lirik lagu tersebut telah dinyatakan sekiranya individu tersebut cuba mencari rakannya dengan cuba menulis surat dan juga cuba menghubungi rakannya yang telah lama terpisah menunjukkan bahawa manusia ini juga mempunyai sifat kasih sayang yang semulajadi didalam diri mereka.

Selain itu,dia turut menceritakan kenangan lama bersama rakan-rakannya sejak dibangku sekolah lagi bagi menunjukkan kemesraan mereka sebelum bergelar pelajar sekolah.Perkara ini juga telah menggambarkan bahawa yang penulis lirik ini mengingati memori yang dialaminya sebelum ini dan telah meluahkannya melalui ciptaan liriknya sendiri.

4.4.4 Bersyukur

Mintak halal segala ilmu

Cikgu bui slamo maso

Berkat doa dengan restu

Saya boleh berjaya

(Cikgu Naim, 2000, Terima Kasih Cikgu)

Syukur merupakan satu tanda kita menghargai sesuatu benda atau perkara yang telah diberikan kepada kita. Sebagai contohnya, dalam konteks menuntut ilmu, kita hendaklah sentiasa bersyukur dengan segala ilmu yang telah dicurahkan oleh guru kepada kita dengan penuh sabar agar kita menjadi pelajar yang berjaya. Setiap ilmu yang cikgu kita curahkan itu mempunyai banyak manfaat dan mampu mendidik kita menjadi insan yang Berjaya dan berguna. Oleh itu, kita sentiasa perlu bersyukur dengan apa yang kita memperolehi tidak kira sama ada banyak ataupun sedikit. Dalam konteks menuntut ilmu Doa dan restu guru juga penting, Hal ini kerana bagi memudahkan urusan kita bagi memperolehi ilmu tersebut dan menggunakan balik ilmu yang diperolehi tersebut.

4.4.5 Menghormati antara satu sama lain

Terima kasih cikgu

Karno sudi ajar sayo

Hinggo kena meroh biru

Tahu nilai budi bahasa

(Cikgu Naim, 2000, Terima Kasih Cikgu)

Seseorang yang pernah mendidik kita adalah seorang guru yang perlu kita hormati. Mereka merupakan insan yang pernah kita belajar membaca, menulis dan

mengira sehingga kita menjadi manusia yang berguna dan bermanfaat kepada ibu bapa serta masyarakat. Kedudukan guru yang mulia disisi Allah kerana tugas guru adalah sangat murni iaitu membawa manusia daripada jahiliah kepada kebijaksanaan dan ilmu dalam pelbagai bidang

Oleh itu, kita sebagai manusia ini perlulah mempunyai sifat saling menghormati sesama manusia. Hal ini kerana, menghargai antara satu sama lain ini merupakan sikap yang perlu ada pada setiap umat islam sebagai menjadi manusia yang mempunyai adab dan akhlak. Didalam ajaran islam ada juga menitikberatkan dua nilai yang perlu sentiasa dihayati iaitu iman serta akhlak seseorang.

4.4.6 Patriotisme

Boleh kito gini maju

Cikgu bui lakoh mulo

Berkat gamak pesanan cikgu hinggo kito boleh berjaya

Berkat nikmat manis madu

Negara kaya raya

Jasa baik pihak cikgu

Tak dok sapo boleh lupu

(Cikgu Naim, 2000, Terima Kasih Cikgu)

Kita haruslah mempunyai semangat cinta kepada negara. Cinta kepada negara bukan sahaja dapat dibuktikan dengan menyertai peperangan atau lain-lain tetapi

juga boleh dibuktikan dengan memanfaatkan kelebihan yang diperolehi. Sentiasa menggunakan ilmu yang diperolehi sebaik mungkin. Hal ini kerana, dapat membantu negara terus maju bersaing dengan negara lain dan dalam masa yang sama dapat menaikkan nama negara sendiri agar negara lebih dikenali diseluruh dunia.

Selain itu, patriotisme adalah perkara yang sangat penting bagi rakyat disetiap negara. Hal ini kerana, bukanlah sekadar luahan perasaan akan tetapi untuk menunjukkan penghargaan oleh setiap rakyat. Patriotisme ini juga bukan sekadar semangat tetapi adalah sesuatu yang hebat melibatkan keyakinan kesetiaan, kewarganegaraan, keberanian, jati diri dan kedaulatan. Nasionalisme pula ialah gerakan bagi mewujudkan masyarakat yang lebih terbuka kepada kebahagiaan individu, menjamin kemerdekaan warganegara setra membebaskan minda. Dengan kata lain, nasionalisme ini adalah semangat. Nasionalisme ini perlu diterapkan dalam setiap individu sejak kecil lagi agar ianya tidak memudarkan semangat yang ada dalam diri individu tersebut dalam menjaga keharmonian dan kesejahteraan negara Malaysia.

4.5 Kaedah yang digunakan dalam menghadapi cabaran pandemik covid 19

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang masih terlibat dengan pandemik covid 19. Pandemik ini juga dikenali sebagai pandemic koronavirus atau wabak koronavirus ialah penyakit yang menular sejak 2019 lagi. Wabak ini pada mulanya mula dikesan pada pertengahan bulan disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei, china dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh pertubuhan kesihatan Sedunia (Who) pada 11 mac 2020.

Virus ini kebanyakannya telah menular antara seseorang kepada orang lain dengan cara yang sama dengan influenza, melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin. Perkara ini menyebabkan paling mudah berjangkit apabila seseorang menerima tanda gejala, walaupun penyebarannya mungkin sebelum gejala muncul. Masa antara pendedahan dan permulaan gejala biasanya lima hari, tetapi mungkin berkisar antara dua hingga empat belas hari. Gejala utamanya adalah termasuk demam, batuk, dan sesak nafas. Kemungkinan termasuk radang paru-paru dan sindrom kesukaran pernafasan. Usaha terdiri daripada pengurangan gejala dan terapi sokongan. Langkah-langkah pencegahan yang disyorkan termasuk membasuh tangan, menutup mulut apabila batuk, mengekalkan jarak dari orang lain (terutamanya mereka yang tidak sihat), dan pemantauan serta pengasingan diri selama 14 hari untuk orang yang dijangkiti. Perkara ini juga telah menyebabkan ekonomi Malaysia semakin lama semakin merosot. Negara Malaysia disitiharkan lockdown selama beberapa bulan bagi menangani masalah ini namun sekarang sudah 2 tahun wabak ini masih berleluasa di Malaysia,

Selain itu, selain daripada ekonomi terjejas industri muzik di negara kita juga terjejas. Negara Malaysia yang terkenal dengan persembahan-persembahan tradisional yang menjadi sebagai tanda kebudayaan negara Malaysia. Terutamanya negeri Kelantan yang terkenal dengan berbagai jenis persembahan tradisional yang terdiri daripada Mak yong, dikir barat, wayang kulit dan sebagainya. Persembahan-persembahan ini telah tergendala semenjak berlakunya pandemik covid 19. Hal ini kerana, persembahan seperti ini memerlukan pemain yang ramai didalam persembahannya. Bagi memendung wabak ini terus berleluasa kerajaan telah mengeluarkan beberapa prosedur yang perlu dipatuhi agar

persembahan tradisional ini dapat dilakukan serta pendikir juga telah menggunakan kaedah yang lebih baik agar dikir ini masih dapat dilakukan dalam pendemik ini.

Antara kaedah yang digunakan bagi membendung wabak ini adalah membuat persembahan melalui media sosial. Hal ini kerana, zaman sekarang media sosial merupakan sebuah platform utama yang digunakan oleh masyarakat bagi menghiburkan diri mereka terutama didalam musim wabak yang melanda negara sekarang. Oleh itu, pendikir boleh membuat persembahan mereka melalui media sosial seperti televisyen, youtube dan sebagainya. Hal ini kerana, apabila membuat persembahan melalui media sosial ini persembahan ini tidak melibatkan penonton hanya sekadar melibatkan pendikir serta pemain yang lain. Perkara ini dapat mengurangkan penularan wabak covid 19 ini manakala secara tidak langsung dikir barat ini dapat diluaskan lagi bukan sahaja didalam negara malahan diluar negara juga sekaligus dapat mengukuhkan persembahan dikir barat ini walaupun masih dilakukan dalam keadaan wabak ini.

Selain itu, ketua dikir barat melaksanakan dikir barat dalam majlis-majlis yang besar seperti kenduri kahwin dan lain. Semasa berdikir di majlis-majlis besar ini ketua dikir perlulah membuat susunan ahlinya yang mempunyai penjarakkan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara pemain dikir serta memakai pemutup muka semasa berdikir. Perkara ini dilakukan adalah bagi membendung wabak ini daripada terus berleluasa serta bagi memastikan persembahan muzik tradisional ini dapat dijalankan secara fizikal secara terus dan terus tanpa halangan daripada mana-mana pihak berkuasa.

Bab 5

Cadangan dan kesimpulan

5.1 Pengenalan

Dikir Barat merupakan persembahan rakyat Kelantan dan menjadi identiti rakyat Kelantan itu sendiri. Dikir Barat ini juga boleh digolongkan sebagai persembahan masyarakat Kelantan. Hal ini kerana sebutan atau dialek yang digunakan sepenuhnya oleh dialek Kelantan. Persembahan Dikir Barat ini juga masih aktif sehingga kini dan mempunyai ramai penyanyi terkenal sepanjang zaman. Disebabkan itu, persembahan Dikir Barat merupakan salah satu persembahan yang masih kekal utuh dan belum memasuki fasa kepupusan, kerana terdapat banyak lapisan yang terdiri daripada generasi tua hingga muda yang masih begitu meminati persembahan Dikir Barat ini sejak dahulu lagi.

Namun begitu, persembahan Dikir Barat ini juga telah melalui arus pemodenan di mana terdapat juga persembahan Dikir Barat yang menggunakan bahasa lain selain dialek Kelantan dan mempunyai kelebihan serta kekurangan yang tersendiri namun masih mempunyai mesej yang ingin disampaikan kerana Dikir Barat ini juga merupakan sebuah platform untuk berkomunikasi seperti menyampaikan rasa tidak puas hati, kesyukuran, kasih sayang dan banyak lagi. Melalui lagu yang dimainkan oleh pendikir dapat menyampaikan mesej yang ingin dilepaskan sendiri oleh pendikir tersebut. Ada sesetengah lagu yang dimainkan oleh pendikir mempunyai sindiran kepada ahli politik.

Lagu Dikir Barat Cikgu Naim ini mempunyai begitu banyak nasihat, nilai moral dan pengajaran yang ingin disampaikan oleh beliau. Namun, cikgu Naim lebih gemar menggunakan nama haiwan sebagai metafora masyarakat. Perkara ini adalah untuk

mengelakkan individu tertentu daripada berasa hati atau terluka apabila mendengar lagu yang disampaikan oleh beliau. Selain itu, lagu yang saya pilih ini didalam kajian ini juga banyak menyampaikan nasihat melalui kiasan dan kiasan serta perincian kata-katanya juga agak sukar untuk difahami lebih-lebih lagi jika individu tersebut bukan berasal dari Kelantan. Kebanyakan lirik lagu cikgu naim ini adalah direka dengan menggunakan dialek Kelantan yang dalam menyebabkan individu luar daripada Negeri Kelantan agak sukar mentafsirkan semula mesej yang disampaikan melalui lagu dikir tersebut. Perkara ini menunjukkan bahawa yang cikgu naim mahu menggunakan dikir barat ini sebagai platform yang terbaik dan cara yang betul iaitu bagi menyampaikan pelbagai mesej dan setiap mesej yang diberikan adalah perkara yang berlaku setiap hari dalam kehidupan kita. Pendikir-pendikir yang memainkan lagu dikir barat ini perlulah memahami dahulu isi lagu yang ingin dimainkan samada ianya menyampaikan mesej yang baik kepada pendengar ataupun tidak walaupun kebanyakan lagu-lagu dikir barat ini menyampaikan mesej serta pengajaran yang baik kepada masyarakat setempat yang mendengarnya.

5.2 Cadangan

Saya juga ada beberapa cadangan dalam memartabatkan lagi persembahan Dikir Barat ini. Antaranya ialah cadangan kepada individu, masyarakat dan negara. Saya berharap cadangan yang saya sampaikan ini dapat dilakukan oleh pengkaji lain.

5.1.1 Individu

Berdasarkan kajian yang saya lakukan, dapat dilihat jika terdapat individu yang ingin melibatkan diri dalam Dikir Barat perlu menjadikan Cikgu Naim ini sebagai idola mereka dalam menghasilkan sesebuah lagu yang mempunyai mesej

apabila disampaikan kepada masyarakat serta penyanyi lagu-lagu Dikir Barat yang sering melakukan persembahan, hal ini kerana lagu-lagu yang bagus akan didengari oleh setiap lapisan. masyarakat tanpa mengira peringkat umur dan tidak akan menimbulkan sebarang isu atau tentangan daripada masyarakat lain. Untuk menjadi penyanyi Dikir Barat juga bukan mudah kerana memerlukan rasa minat yang mendalam serta mengambil masa yang agak panjang agar dapat menyanyikan lagu dikir ini mengikut tempohnya serta bagi mengelakkan individu ini cepat bosan melakukan persembahan dikir barat. Selain itu, penyanyi Dikir Barat yang baik akan sentiasa menjadi suri teladan kepada orang ramai terutama mereka yang baru berjinak-jinak dalam bidang seni persembahan. Penyanyi lagu dikir barat ini juga perlulah merasai minat mereka dalam menyanyikan lagu yang ingin disampaikan serta memahami mesej yang ingin disampaikan bagi mengelakkan masyarakat setempat mendengarkan lagu tersebut sekadar lontaran biasa-biasa yang tidak membawa makna kepada mereka ketika itu.

5.1.2 Sosial

Setiap anggota masyarakat perlu sentiasa mendokong seni Dikir Barat, kerana Dikir Barat ini telah menjadi warisan masyarakat Kelantan dan perlu dijaga serta dipelihara sebaik mungkin sebelum ditelan zaman. Persembahan Dikir Barat ini juga wajar diperkenalkan dalam kalangan pelajar sekolah dan pelajar universiti bagi memastikan generasi kini atau generasi Z ini tidak mengeneipkan warisan budaya Dikir Barat ini. Dengan kewujudan lagu-lagu baru yang semakin lama telah menengahkan budaya barat menyebabkan lagu-lagu lama di Malaysia semakin pupus dan ada sesetengah warisan di Malaysia tidak lagi diendahkan oleh rakyat

Malaysia. Perkara ini menyebabkan Rakyat Malaysia sendiri yang mematikan warisannya sendiri setelah wujudnya lagu-lagu barat dan menengahkan lagu-lagu barat berbanding warisannya sendiri. Selain itu, dikir dapat menarik minat individu yang bukan berasal dari Kelantan untuk menceburi bidang Dikir Barat. Dikir Barat ini dari segi cara persembahannya, lagu yang disampaikan cukup mampu untuk menarik minat masyarakat luar bagi mencemburui dikir barat ini agar dapat di perembangkan lagi di luar negeri Kelantan serta menggunakan dialek negeri sendiri selain menggunakan dialek negeri Kelantan. Perkembangan inilah akan menyebabkan Seni Persembahan Dikir Barat tidak akan mudah pupus dan tidak akan ditenggelami oleh zaman disebabkan mempunyai pelapis walaupun berlainan negeri. Selagi Namanya dikir barat dan persembahannya masih sama lagi dapat dianggap sebagai dikir barat serta warisan negara.

5.1.3 Negara

Cadangan ketiga adalah untuk negara. Jabatan-jabatan kerajaan yang terdapat di Kelantan seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian (JKKN) Negeri Kelantan serta Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (Motac) Negeri Kelantan perlu memainkan peranan dalam memastikan persembahan Dikir Barat ini akan dapat diteruskan dan terus mempromosikan prestasi tersebut. kepada masyarakat di luar Kelantan mahupun di luar negara. Hal ini kerana JKKN Kelantan serta Motac merupakan salah satu perhubungan yang boleh dilakukan bagi memperluaskan lagi Dikir Barat ini daripada ianya berada di satu tempat sahaja. Melalui jabatan-jabatan seperti inilah warisan didalam negara kita dapat diperkembangkan lagi jika mereka masih cakna dengan warisan yang ada didalam

sesebuah negeri. Program Seni Kelantan anjuran JKKN Kelantan perlu diteruskan kerana ini juga memberi impak yang besar kepada penggiat seni persembahan Kelantan untuk mengekalkan dan memperkenalkan seni persembahan kepada umum khususnya kepada mereka yang tidak pernah melihat seni persembahan Kelantan yang terdiri daripada berbagai jenis persembahan ini sehingga mereka boleh pergi tengok sendiri di JKKN Kelantan. Program ini bukan saja memberi impak kepada pengiat seni bahkan mampu memperkenalkan juga warisan negeri yang ada kepada generasi muda kini yang sentiasa didedahkan dengan budaya-budaya barat sehingga mengeneipkan budaya negeri sendiri.

5.3 Harapan

Saya disini berharap warisan negeri Kelantan ini perlulah diketengahkan lagi dekat negeri-negeri lain supaya ianya tidak ditenggelami zaman akibat daripada wujudnya budaya barat yang mampu menindas warisan masyarakat Malaysia ini. Warisan ini haruslah diberikan pelapis dalam setiap negeri supaya ianya masih dikenali oleh generasi-generasi akan datang walaupun mereka tidak mengenali pencipta asal dikir barat ini. warisan didalam yang ada didalam setiap negeri ini merupakan sebuah identity kepada negeri tersebut jika ianya tidak dijaga dengan baik akan menyebabkan identity negeri tersebut terjejas disebabkan gagal menjaga warisan yang terdapat didalam negeri masing-masing.

Selain itu, saya juga berharap agar selepas ini masih ada lagi lirik lagu yang dimainkan oleh pendikir lain yang mempunyai mesej yang positif bukan hanya sekadar lirik yang memerli ahli politik serta sekadar pelepas marah kepada orang lain. Hal ini mesej yang positif ini mampu memberi impak yang baik juga kepada pendengar. kerana mereka mendengar sambil mendalami lagu yang disampaikan itu dalam diri mereka sekaligus

memberi manfaat kepada masyarakat. Dikir Barat ini dilihat sebagai platform yang terbaik untuk memberikan satu motivasi ataupun nilai moral yang positif kepada masyarakat kerana ianya merupakan persembahan yang dimainkan dihadapan khayak orang ramai serta cara penyampaiannya sangat bagus iaitu melalui lagu yang dimainkan oleh pendikir. Masyarakat yang memahami lagu yang dimainkan oleh pendikir ini akan berasa dikir barat ini bukan sahaja hiburan semata-mata bahkan mampu memberi motivasi kepada orang lain. Dari sini mereka akan lebih meminati dikir barat dan akan memperkembangkan lagi dikir barat sama ada didalam negara ataupun luar negara.

Saya juga meminta maaf sekiranya saya menjalankan kajian ini terdapat kekurangan. Didalam kajian saya ini kemungkinan ada maklumat yang tidak dapat saya sampaikan disebabkan keadaan negara yang masih melawan covid 19 menyebabkan kajian saya tergendala. Maklumat yang saya perolehi daripada rujukan buku-buku di perpustakaan serta ada yang saya temuduga. Oleh itu, harapan saya sungguh besar supaya pengkaji akan datang yang membuat kajian mengenai tajuk ini agar membuat kajian lebih secara terperinci dan dapat bantu mengembangkan lagi dikir barat ini diluar sana. Saya juga berharap supaya warisan dinegara kita selain daripada dikir barat ini dapat diperkembangkan dinegeri lain juga bukan sahaja dalam sesebuah negeri sahaja bahkan semua negeri mengetahui warisan yang ada disetiap negeri yang ada dinegara Malaysia supaya ianya tidak ditenggelami zaman disebabkan oleh keujudan budaya barat.

RUJUKAN

ARTIKEL

Azlina Musa.(2000). Modern technology bring the chance of relentiny originality Dikir Barat in Kelantan. *International Journal of Engineering and advance technology (IJEAT)*, Volume-9. Issue-4.

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad. Unsur-unsur Amanat dan Impak Lirik Dikir Barat Halim Yazid. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*,04(2016), 67-80.

Norhafidah Binti Ibrahim, Norzaliza Binti Ghazali & NorAsyikin Binti Ibrahim. (2017).Kritikan Soaial Dalam Lirik Dikir Barat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, Volume 3, 15-24.

Noryamisma Binti Ismail. (2018). *Tema Keislaman dalam lirik dikir Al-Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak*, Malaysia.Universiti Putra Malaysia.

Rahmah Haji Bujang. (2005). Continuity & Relevance of Malay Traditional Performance arts in this Millineum. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 15, 2005*, 12(6).

BUKU

Nanda.S & Warms L.Richard. (2004). *Cultural Antropology*. Wadsworth, Lengage Language.

Yousof Sarwar-Ghulam.(1994). *Dictionary of Traditional South-East Asian Theatre*. Kuala Lumpur Oxford University Press : Oxford Singapore New York 1994.

Mohd Ghazali Abdullah. (1995). *Teater Tradisional Melayu Buku Satu*. Kuala Lumpur, Malaysia : Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

INTERNET

Addy Saufi, (2010). *Pak Leh Tapang-Pengasas Dikir Barat*. Retrieved from:
<http://adisaufi.blogspot.com/2010/05/pak-leh-tapang-pengasas-dikir-barat.html>

Dikir barat cikgu Naim-Salam untuk sahabat: <https://www.youtube.com/watch?v=0yMfopGd-zU>

Sharimi, (2008). *Pak Leh Tapang Pengasas Dikir Barat*. Retrived from:
<https://sharimi.wordpress.com/2008/04/16/pak-leh-tapang-pengasas-dikir-barat/>

Lagu Dikir Barat Cikgu Naim:
https://www.youtube.com/results?search_query=LAGU+DIKIR+BARAT+CIKGU+NAIM+dengan+lirik

Stacey Rakey, (2017). *Muzik Malaysia-Dikir Barat*. Retrived from :
<https://www.slideshare.net/SAudreyRakey/muzik-malaysia-dikir-barat>
ga86, (2011). *Maksud Dikir Barat*. Retrived from:

LAMPIRAN

Lirik Lagu yang Dikaji

Lirik:Dikir Motivasi

Ambo Nyanyi lagu berdirikir sebagai ceramah motivasi
Adik-adik kena fikir terutama hok dok tengon ngaji
Loni zaman dunia moden zaman sains teknologi
Semua bangsa pakat bertanding nak mengangkat harga diri

Keperluan alaf baru semakin hari semakin canggih
Bukan setakat perlu tahu baca Quran baca Hadis
Bidang lain juga perlu Matematik dan Ingggris
Semua bidang kita maju jadi orang serba boleh

Kehidupan sudah bertukar gaya hidup banyak beralih
Sakit demam watgi spital orang tak bomo dah dengan sirih
Telefon nampak gambar boleh bekecek hantar mesej
Kalau kita tokse belajar bangsa kita orang tindih

Kalau kita tokse maju bangsa kita orang golek
Cuma picit suis dinding kipas musing lampu nyala
Puyok menanak kualiti goreng loni pakai letrik belaka
Sikit lagi tak mustahil kereta api atas udara

Teknologi alaf baru koho sari molek
Kereta deras macam peluru ada robot boleh berkecek
Satelit dilangit biru orang berlumba dik lancar roket
Kalau kita tokse maju bangsa kita orang golek

Ni bukan zaman keris lembing senjata kayu tongkat buluh
Kapal terbang takdok stering pelur berpandu kawalan jauh
Bom nuklear hok boleh neking kuasa letupan nyalokey guruh
Bakpo kita tokse bersaing tunjuk retek kita ni jaguh

Malaysia depan hari adik-adik kena bina
Untuk bela maruah sendiri dengan ilmu hak adik terima
Ilmu Sains teknologi zaman loni sangat berguna
Jadi bangsa dihormati aman makmu selama-lama

Ambo nyanyi lagu berdirikir sebagai ceramah motivasi
Adik-adik kena pikir terutama hok duk tengah ngaji
Loni zaman dunia moden zaman sains teknologi
Semua bangsa pakat bertanding nak mengangkat harga diri.

Lirik:Sesal Tak Ngaji

Lo ni hati ku sesal

Kano dulu tok ngaji

Dok turut saing naka

Royat molek tok reti

Ore dok jadi pegawa

Ku dok kapung jadi koli

Pagi cerut ruput kuba

Pete-pete ngasuh biri

Lo ni hati ku sesa

Kano dulu tok ngaji

Ayoh aku suruh skoloh

Sapa sekerat aku poteng

Ko dok main dale rok getoh

Rama-rama dengan kawé saing

Ku dok main pelago burok

Main nusuk pekong tin

Lo ni aku doh susah

Baru aku nok mikir

Kain baju aku paka

Sekeng hend bare kodi

Jual tambo dale keda

Ore lelong aku beli

Kade basuh tok tangga

Atah tekok penuh daki

Bokali tue asa, wak kain sapuh kaki

Saing-saing beli keto

Aku kilek basikal burok

Buleh bini tok payoh belanjo

Krano aku jadi pok sanggup

Tak dok aroh nok susuk muko

Bawok peta gendong berok

Cari pitih samah duo

Kalu tidok tok berasap puyuk

Ore ajok gi kolupo

Naik keto ore bile train

Sapa stesen ore suruh turong

Tok Jupio pitu nok tubik

Puah jerit puah melaung

Puah nyanyi puah nasib

Budok kecik jah maghi tulong

Tunjuk jale pintu tubik

Try jugok aku kijo

Isi bore jawatan kosong
Tak dok sije gapo-gapo
Derak cakak air lior
Ore putih temudugo
Kecek sepatoh aku telopong
Suroh picit komputer
Aku kesat air idung

Tulong belaja lah panda-panda
Anok-anok dok tengoh mengaji
Lo ni baru ku kaba
Kano dulu aku tok ngaji
Mace bare tak dok nila
Ore hino ore keji
Adik-beradik pun tok hira
Ore lain apo lagi

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Lirik:Rokok

Heii rokok rokok...tak hisap rasa nak hisap

Hisap bawak penyakit

Patutlah kerajaan duk jalan kempen merokok loni pon

Haii rokok rokok

Kempen anti rokok loni tengoh duk jale

Label ore pacok genap lorong tepi jale

Radio, tv jugok oyak sie male

Rakyat segenap cerut patut bui perhatian

Amalan hisap rokok bahaya kesihatan

Kalu hisap jugok tentu penyakit mudah datang

Kimia banyak telajok asid pong tok kure

Kito jah tok napok krano racun duduk dale

Keburukan rokok hisap jadi ketagih

Sekso putus rokok lebih pado putus kasih

Maso pitih takdok nok hisap nok beli tokleh

Gian tokleh nok oyak supo kambing lapar sirih

Tabiat isap rokok langsung takdok hasil

Pedih anak tekok kade netup bibir-bibir

Daging jadi takdok kuruh mace cicok kumbang
Mulut ore hisap rokok bau supomulut kambing

Kajian doktor akibat hisap rokok
Penyebab lemah jantung paru-paru boleh rosak
Barah batang halkum, barah hati barah otak
Tahu takdok untung bakpo kita hisap jugok

Rokok takdok untung ekonomi parok
Harga naik melambung berapa rial lo ni sekotok
Umo 10 tahun lo ni jadi tuo bongkok
Duit kalu pripung boleh beli dah keto sodok

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Lirik:Boyo

Aya Cik Siti anak tino mudo
Keno hati-hati
Sekare banyak boyo
Duduk kacik gigi
Ngibah bate ekor
Napok duk gi maghi
Sibuk dk cri mangsa

Boyo tak dok muncung
Nok ajok kito jale
Gendong denge muto
Wak gi kat tak dok oghe

Ulik suruh tido
Nyo japi jare-jare
Suruh duduk belunjur
Nok tengok kakah dale

Boyo zaman moden
Nok make daging metoh
Kering dio tokse
Nok make daging basoh

Bulih daging musir
Daging jenih orat mero
Walau bele tungging
Dio make sapa sudoh

Bekah kekoh boyo
Tu daging jadi glebek
Bodi jadi kendur
Supo muto punoh spoket

Kulit jadi malo
Pah isi jadi lembek
Belum jatuh rego
Tolong dengar oghe ngepek


Kalu boyo mudo
Tu make ganah lagi
Soyok daging poho
Mamuh lumak rapat sendi

Peranga boyo tuo
Walau dio takdok gosi


Selagi dio tok sedawo
Dio make tokse breti



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

Lirik: Salam Untuk Sahabat

Salam untuk sahabat yang ikhlas dariku
 Semoga menjadi ubat, penawar hati yang rindu
 Aku nok tulis surat alamat mu ku tok tahu
 Telipon pong mu tok jawab ko tukar no hok baru
 Aku tok tahu

Hoooo...3x Lalalalala

Sejak sekolah lagi kito duo saing rapat
 Kaley roba kito kosi, baco buku duduk dekat
 Nok masuk kantin skali, nok masuk jambe pong pakak
 Duk main pegi maghi, tengoh pade samo melompat
 Ikhlas hati putih dale persahabatan
 Lebih pado sore worih, samo tupe menupe
 Maso susoh maso seney, kito samo-samo bice
 Maso maroh maso murih, tok taruh dihati dale
 Kerano saye...

Hoooo.....3x Lalalalala

Hari akhir sekolah, masihku ingat lagi
 Sedihnya maso nok pisoh, Sayunya rasa hati
 Demo bui ku hadioh, Ku sambut sepuluh jari
 Walaupun harganyo muroh, loni ku taruh lagi
 Maso sudah beruboh, tok srupo dulu lagi
 Masing-masing dah menikoh, anak ramai susun jari
 Maklum umur dah bertamboh, ado kedut dipipi
 Maso ku ingat segalo, raso sayu dale hati
 Sedihnya hati

Hooooooo.....3x Lalalalala

Sahabat yang tercinta ku mintak ikhlas hati
 Kirim-kirimlah berita tanyo kaba pegi maghi
 Bertemu kea anak kito
 Suami serto isteri
 Buke niat apo-apo
 Nok saeng dengan mu lagi

Hoooooooo...3x Lalalala
Lirik:Terima Kasih Cikgu

Terima kasih cikgu
Karno sudi ajar sayo
Hinggo kena merah biru
Tahu nilai budi bhasa
Mintak halal segala ilmu
Cikgu bui slamo maso
Berkat doa dengan restu
Saya boleh berjaya

Berkat tekun cikgu ajar
Pelajaran cikgu bui
Garis lurus panjang sejekal
Sapa caro perintah negeri
Tapi karno terlebih panda
Rosok iman punoh budi
Jaso cikgu demo toknila
Supo kayu hangus api

Wahai ahli masyarakat Hargailah jasa cikgu

Walau hanya senyum sorat

Walau jasa sebesar debu

Didik asuh tegur royak

Hinggo kito boleh maju

Tido jenero make sedak

Rumah tangga anak cucu

Boleh kito gini maju

Cikgu bui lakoh mulo
Berkat gamak pesanan cikgu
hinggo kito boleh berjaya
Berkat nikmat manis madu
Negara kaya raya
Jasa baik pihak cikgu
Tak dok sapo boleh lupu
Berguru pade data
Dapat rusa belang di kaki
Berguru palik ajar
Bagai bunga kembang tok jadi

Umpama kain sela
putih hitam Kotor cuci
Jasa cikgu bubuh kala
Untuk bina generasi
Bersabarlah wahai cikgu
Saya kasih saya saye
Susah payah cikgu lalu
Ore lain tok pehe
Penat lelah sedih pilu
Rukah bukit Litah pade
Karno menyampai ilmu
Laut luas sanggup sebere

Untungla bo daun sela
Tidok cikgu kiro pikir
Bajo umbi buah segar
Ore lain kutip hasil

Karno cikgu jiwo sobar
Relo jadi mace lilin
Relo diri hangus terbakar
Bui cahaya kokre lain



Oh yakinlah wahai cikgu
Jasamu yang tulus suci
Kukuh teguh jadi tugu
Tumbuh bakar buah brisi
Jasa baik sudah tentu cukup masa genap hari
Niat baik tuhan tahu jd bekal sebelum mati

Taburkan lah bukti
Teruskn berjuang
Membina pertiwi
Jayakan wawasan
Susoh leloh atas diri
Tok harap balasan
Negara duk nati
Sinar bulan terang



Terima kasih cikgu
Karno sudi ajar sayo
Hinggo kena meroh biru
Tahu nilai budi bhasa
Mintak halal segala ilmu
Cikgu bui slamo maso
Berkat doa dengan restu
Saya boleh berjaya.

Temu bual

Temu bual dilakukan dengan Kerjasama Cik Aida mastura sebagai anak sedara beliau wakil kepada En Mohd zain bin Ismail bagi menjawab soalan-soalan yang dikemukakan melalui aplikasi Whatsapp kepada En Mohd Zain Bin Ismail



KELANTAN



UNIVERSITI
 MALAYSIA
 KELANTAN

Biodata temubual



- Mohd Zain Bin Ismail
- Dikenali jen endoro
 - 61 tahun
- Asal kampung kota jembal, kedai lalat ,16150 kota bharu kelantan
 - *Mempunyai 5 orang anak
- Mula bergiat dalam dikir barat sekitar umur belasan tahun sekitar 15 tahun dan sehingga kini.
 - Seorang tukang karut dan jogho
 - 2 lelaki mengikuti jejaknya sebagai seorang pendikir barat



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN